**Kempen PENBAR, 'perokok' bakal dikompaun** MS 7



**Pesta P. Pinang 2015, janji kelainan** MS 23





PERCUMA

# buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

1 – 15 DISEMBER, 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng


# Pertahan mandat rakyat, elak P. Pinang bankrap – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) menyangkal dakwaan bahawa lebih banyak projek tebus guna tanah diluluskan di bawah pemerintahan (Kerajaan Negeri) kini.

Exco Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek tebus guna tanah diluluskan Kerajaan Negeri PH adalah seluas 60 ekar sahaja, berbanding 3,241 ekar oleh pemimpin BN sebelum tahun 2008.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa cadangan tebus guna tanah seluas 4,100 ekar adalah untuk menjayakan pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PIP), iaitu rancangan bersepadu bagi menangani masalah kesesakan trafik di negeri ini.

"Kerja-kerja tambakan laut seluas 4,100 ekar akan dilaksanakan di Pulau Pinang esok (3 Disember) memandangkan permohonan tebus guna tanah telah 'diluluskan'.

"Saya akan minta kontraktor memulakan kerja (tambakan laut) esok memandangkan 'mereka' kata 4,100 ekar telah diluluskan," sindir Kon Yeow ketika diminta memberi maklum balas mengenai dakwaan pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa tebus guna tanah seluas 4,100 ekar untuk PIP telah diluluskan sebelum ini.

Beliau berkata demikian pada sidang media bertarikh 2 Disember lalu bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) serta Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti).

Berdasarkan undang-undang, Kerajaan Negeri mesti mendapatkan kelulusan melalui Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) di bawah Akta Perancangan Desa dan Bandar 1976 jika projek tambak laut adalah melebihi 100 hektar.

Sebelum itu, Guan Eng mendakwa pentadbirannya difitnah kerana pihak pembangkang dan beberapa parti politik negeri ini mahu menutup kelemahan Kerajaan Negeri era BN, dulu.

Pada tahun 1999, katanya, pemimpin BN pernah meluluskan projek tambakan laut seluas 940 ekar di Tanjung Pinang dengan harga serendah RM1 sekaki persegi kepada satu pihak sahaja, berserta syarat hanya 10 peratus tanah tebus guna tersebut diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

"Di Pulau Pinang, nak dapat tanah RM1 sekaki persegi, saya rasa kita (Kerajaan Negeri) perlu balik ke tahun 1786, iaitu semasa Kapten Francis Light datang ke Pulau Pinang," sindir beliau.

Tambah Guan Eng, tanah tebus guna seluas 151 ekar diserahkan kepada Kerajaan Negeri hari ini pun adalah hasil rundingan bersama dengan syarikat pemaju terbabit, E&O.

"Pemberian (tebus guna) tanah tersebut menunjukkan betapa murahnya Barisan Nasional (BN) meluluskan tebus guna tanah RM1 sekaki persegi," jelasnya.

Tegas beliau, seluas 744 ekar tambakan laut telahpun dilakukan di negeri ini, sungguhpun Kerajaan Negeri era BN dahulu meluluskan 3,241 ekar projek tebus guna termasuk di Tanjung Pinang.

*(Sambungan di muka surat 2)*




**INFO grafik perbandingan tebus guna tanah oleh Kerajaan Negeri BN dan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan.**

*Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# Exco desak pembangkang jelas di mana 9,444 RMM



KETUA Menteri sambil ditemani Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (tiga dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri berjabat tangan dengan ADUN Permatang Pasir, Dato' Mohd. Salleh Man (kanan) pada majlis sidang media khas di sini.



SPEAKER DUN, Dato' Law Choo Kiang (duduk, kiri sekali) beramah-mesra dengan wakil-wakil media yang hadir membuat liputan.

**GEORGE TOWN -** Pembangkang Pulau Pinang didesak menjelaskan secara terperinci mengenai rancangan Kerajaan Pusat melalui dua agensinya, JKP Sdn. Bhd. dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dilaporkan hendak membina 9,444 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di Pulau Pinang.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bagaimanapun berkata, hasil semakannya mendapati bahawa terdapat unit rumah mewah yang mencecah RM1.8 juta di bahagian pulau dan RM800,000 di bahagian Seberang Perai.

"Ada antara projek-projek cadangan tersebut hendak dibangunkan di atas tanah yang diperoleh melalui pengambilan tanah, yang mana sepatutnya jenis perumahan-perumahan yang sepatutnya dibina di atas tanah tersebut adalah perumahan awam, iaitu (rumah) kos rendah atau kos sederhana rendah, tetapi ini tidak dibuat," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat membidas pihak pembangkang pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut mendedahkan hasrat Kerajaan Pusat untuk menaikkan harga siling rumah kos rendah daripada RM42,000 kepada RM65,000, dan rumah kos sederhana rendah dinaikkan daripada RM72,500 kepada RM100,000.

Menurutnya, hasrat itu diumumkan dalam Majlis Perumahan Negara yang bersidang pada 21 Ogos lalu, di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Ini sudah tentu akan membebankan golongan yang berpendapatan rendah, berbanding dengan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk terus kekalkan harga siling kos rendah dan kos sederhana rendah pada (harga siling) RM42,000 dan RM72,500," responsnya menjawab bangkangan ADUN Permatang Berangan, Omar Abdul Hamid.

Terdahulu, Ketua Pembangkang, Datuk Jahara Hamid menuduh Kerajaan Negeri meluluskan projek pemajuan perumahan mencecah jutaan ringgit seunit, dalam DUN pada bulan November tahun lalu.

Membidas tuduhan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mendedahkan, pemajuan 163 unit rumah mewah oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di D'Residence Bayan Mutiara dekat Bayan Baru yang berharga antara RM800,000 hingga RM3.5 juta diluluskan pada 5 Oktober 2006, iaitu semasa Kerajaan Negeri masih di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN).

## Pembangkang sepatutnya kemuka usul tangguh rancangan tambakan laut baru yang belum diluluskan - KM

*(Dari muka surat 1)*

"Baki 2,497 ekar projek tebus guna tanah yang masih belum dilaksanakan sehingga kini adalah Fasa 2 Tanjung Tokong membabitkan 891 ekar dan 1,606 ekar di Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU).

"Itu, tidak mengambil kira 1,120 ekar tanah lain yang turut ditebus guna oleh pemimpin BN juga kerana melibatkan tujuan awam," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng memberitahu bahawa pembangkang sepatutnya mengemukakan suatu usul supaya menangguhkan rancangan penambakan laut "yang masih belum diluluskan", bukan sebaliknya.

Beliau turut mencadangkan suatu pra-syarat membabitkan komitmen Kerajaan Persekutuan dimuatkan dalam usul pembangkang tersebut, jika mahu menangguhkan kerja-kerja tambakan laut yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri terdahulu berkaitan.

Guan Eng berkata, "pra-syarat bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberikan bayaran indemniti penuh (iaitu bayaran '*back-to-back*') kepada Kerajaan Negeri untuk semua bayaran pampasan bagi penambakan laut yang ditangguhkan," sepatutnya turut dimuatkan dalam usul pembangkang.

Isu tebus guna tanah ini meledak dalam media serta mendapat perhatian banyak pihak, selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 20 November lalu menerima suatu usul daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Sr. Muhamad Farid Saad.

Wakil pembangkang itu mengemukakan suatu usul supaya semua projek tebus guna tanah ditangguhkan.

Usul itu akhirnya ditolak oleh majoriti 23 ADUN Pakatan Harapan sungguhpun mendapat sokongan ADUN Teh Yee Cheu daripada DAP.

Lima ADUN PKR lain, ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen, Dr. Norlela Ariffin (Penanti), Cheah Kah Peng (Kebun Bunga), Dr. T. Jayabalan (Batu Uban) dan Lee Khai Loon (Machang Bubuk) mengambil sikap berkecuali.

"Tidak ada seorang pun daripada ADUN PKR (yang) mengambil keputusan itu bangun untuk membahaskan usul tersebut.

"Sebaliknya, Ketua Whip PKR, Ong Chin Wen hanya memberitahu seorang pemimpin kebangsaan PKR tentang niat berkecuali, tetapi tidak pula memberitahu Exco-Exco PKR atau Timbalan Ketua Menteri I, seolah-olah ia adalah undi tidak percaya beliau terhadap pemimpin PKR Negeri," tegasnya.

Guan Eng dalam reaksi spontan mengkritik keras tindakan ADUN-ADUN berkenaan kerana didakwa boleh mengakibatkan Kerajaan Negeri hari ini bankrap.

Bagaimanapun, beliau memberitahu bahawa semua ADUN PKR terbabit masih dianggap sebagai sebahagian daripada anggota Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Hanya, Yee Cheu seorang sahaja mengaku tindakannya itu merugikan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, serta bersedia menerima sebarang tindakan tatatertib yang ditentukan oleh pemimpin partinya.

Susulan itu, Guan Eng menerima kritikan media dan banyak pihak kerana tidak menghormati perbezaan tindakan yang dilakukan oleh keenam-enam ADUN terbabit.

Guan Eng memberitahu bahawa beliau lebih rela dikritik demi mempertahankan mandat yang diberikan oleh majoriti rakyat, daripada dikenang mengakibatkan Kerajaan Negeri menghadapi risiko bankrap kerana tunduk pada usul pembangkang tersebut.

*Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# Pengezonan demi pulihara 'Bukit Botak', respons KM

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri tidak pernah meluluskan aktiviti penggondolan Bukit Gambir dekat Relau yang lebih dikenali sebagai "Bukit Botak", sebagaimana didakwa oleh pemimpin tertentu parti Gerakan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, tujuan pengezonan yang dilakukan Kerajaan Negeri adalah demi memulihara semula kawasan tersebut.

"Kalau ia adalah suatu projek yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, kita akan tanggung kesalahan itu, tetapi, ia adalah suatu pembangunan haram (tanpa kebenaran Kerajaan Negeri).

"Pengezonan adalah untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan sebelum ini," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata demikian pada sidang media Majlis Pelancaran Risalah Penang Goes Orange di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Lagipun, beliau menegaskan, syarikat yang terbabit dengan aktiviti penggondolan bukit tersebut telahpun didakwa dan dihukum sebelum ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dalam kenyataan berasingan mencabar Gerakan mengemukakan bukti, kononnya aktiviti penggondolan bukit tersebut mendapat kebenaran kelulusan daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Apa yang didakwa sebagai kelulusan SPC (Jawatankuasa Perancangan Negeri) sebenarnya adalah memulih dan selaraskan status zon perumahan dengan lot sebelah yang sememangnya dizonkan sebagai perumahan oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN).

"Pada hakikatnya, sehingga kini, tiada apa-apa permohonan diterima.

"Kalau parti Gerakan dapat menunjuk bukti, saya rela menerima hukuman dari Dewan Undangan Negeri kerana memberi maklumat yang salah," ujar Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota.

Terdahulu, Kon Yeow memberitahu bahawa kerja-kerja mitigasi berwajib diteruskan semula sejak Julai lalu dan projek kehijauan tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Januari tahun depan.



(Dari kiri), JAGDEEP Singh Deo, ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid dan Ketua Menteri ketika di Dewan Makan DUN pada sesi istirehat persidangan.

Jelas beliau, kerja-kerja mitigasi yang dilakukan antaranya adalah menanam pokok dan rumput, membina kolam enapan dan membina sistem parit, demi mengelak bencana seperti limpahan air atau risiko hakisan tanah.

"Memang kalau dari Jambatan Pulau Pinang, nampak kawasan 'Bukit Botak' itu menjadi semakin botak, tetapi, sebenarnya itu adalah kerja mitigasi yang sedang dijalankan.

Difahamkan, kerja-kerja mitigasi yang dilaksanakan sebelum ini telah 30 peratus siap, serta mampu meminimumkan risiko hakisan tanah akibat aktiviti penggondolan bukit sejak pertengahan tahun 2013.

Difahamkan, isu penggondolan sekitar Bukit Relau telah mendapat bantahan banyak pihak kerana dilihat bercanggah dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang yang diwartakan pada 28 Jun 2007 itu antara lain melarang pembangunan di kawasan melebihi 76.2 meter (250 kaki) dari paras laut, dan di cerun dengan kecerunan melebihi 25 darjah.

# Naiktaraf LTAPP, Pusat tiada sebarang maklum balas

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri belum menerima sebarang maklum balas berhubung status permohonan RM600 juta melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) berhubung Projek Menaiktaraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng berkata, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri sebelum ini telah menyiapkan Kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru Di Utara Malaysia yang mencadangkan supaya LTAPP dinaiktaraf dari kapasiti semasa 6.5 juta penumpang setahun (mppa) kepada 10 mppa.

"Pada masa sama, kajian tersebut turut memperakukan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, Kedah yang baru dengan kapasiti 25 mppa untuk menampung keperluan dan unjuran pertambahan penumpang mulai tahun 2025.

"Bagaimanapun, cadangan pelaksanaan projek belum dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan," ujarnya pada sesi penggulungan di Dewan Undangan Negeri di sini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng berhubung perkara berkaitan.

# P. Pinang tak pernah larang azan guna pembesar suara – Exco

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri tidak pernah melarang syiar laungan azan dan iqamah menggunakan pembesar suara masjid, sebagaimana didakwa pembangkang Pulau Pinang.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim bagaimanapun berkata, keputusan mesyuarat Majlis Fatwa Negeri mengenai kebenaran menggunakan pembesar suara masjid dan surau untuk tujuan azan dan iqamah semata-mata masih pada peringkat pengurusan pentadbiran, serta belum dimuktamadkan lagi.

"Setelah keputusan ini dibuat, pihak Jabatan Mufti telah menghantar surat kepada Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang memaklumkan keputusan ini dan saya juga telah dimaklumkan.

"Bagaimanapun, belum lagi ada apa-apa perancangan serta pemberitahuan dikeluarkan dan kami juga belum putuskan untuk meneruskan fatwa ini ke peringkat seterusnya," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan ADUN Bayan Lepas, Nordin Ahmad pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim sedang mengadakan perbincangan.

Difahamkan, Nordin ada meminta penjelasan lanjut, sama ada larangan berwajib itu turut terpakai atau sebaliknya, untuk majlis-majlis rasmi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Abdul Malik dalam reaksi spontan memberitahu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang menerima tiga aduan berhubung masalah laungan azan di masjid dan surau dari tahun 2012 hingga Mei tahun ini.

"Tujuh aduan diterima adalah membabitkan aktiviti-aktiviti selain azan seperti ceramah, bacaan al-Quran dan seumpamanya," jelas beliau.

Beliau dalam pada itu turut melahirkan rasa terkilan terhadap pihak yang membangkitkan isu larangan penggunaan pembesar suara itu dengan pencemaran bunyi.

"Tidak timbul langsung larangan penggunaan pembesar suara dengan pencemaran bunyi. Ada orang bukan Islam yang memuji dan menjadikan azan ini untuk mereka tahu masa.

"Kita mahu membentuk masjid bukan sebagai satu institusi untuk beribadat, tetapi pada masa sama *'friendly* kepada orang bukan Islam," ujar Abdul Malik.

*Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# Kelewatan MDEP, Pusat diharap tidak kompromi bekal air ke P. Pinang

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri berharap Kerajaan Pusat dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) tidak berkompromi dalam membekalkan air mentah ke Pulau Pinang sekiranya berlaku musim kemarau rentetan kelewatan menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang atau *Mengkuang Dam Expansion Project* (MDEP) dalam tempoh yang ditetapkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pusat perlu memastikan kelewatan projek berkenaan tidak menjejaskan jaminan pembekalan air mentah ke Pulau Pinang untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun lagi selepas pengumuman penangguhan projek yang dibiayai oleh KeTTHA itu, selama setahun.

"Sebelum projek pembesaran, Empangan Mengkuang merupakan rizab strategik air terpenting di Pulau Pinang terutama ketika musim kemarau.

"Kelewatan menyiapkan projek berkenaan menimbulkan kebimbangan, oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan menulis surat kepada KeTTHA untuk memberi jaminan bertulis agar bekalan air mentah dapat dibekalkan ke Pulau Pinang," katanya dalam satu sidang media yang diadakan di Dewan Undangan Negeri (DUN) sempena Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga DUN Ke-13 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer; ADUN Batu Uban, Dr. T. Jayabalan; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Pengurus Besar PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa projek yang menelan belanja RM1.2 bilion itu sepatutnya siap pada 31 Julai 2016 dan kini dikatakan mengalami kelewatan atas sebab-sebab teknikal.

"Sebelum ini, kita (Kerajaan Negeri) telah bersetuju untuk merendahkan paras air di Empangan Mengkuang seperti yang diminta oleh KeTTHA.

"Sebagai balasan, kita (Kerajaan Negeri) diberi jaminan bekalan air mentah dari Kedah yang akan dilepaskan ke Sungai Muda jika kemarau atau berlaku bekalan air tidak mencukupi. Malah, KeTTHA akan menanggung semua kos pelepasan air," katanya yang berharap agar jaminan bekalan air dapat dilanjutkan.

Dalam pada itu, Guan Eng yang juga merupakan Pengerusi PBAPP, berharap rakyat Pulau Pinang dapat menjimatkan penggunaan air untuk mengelak krisis air pada masa hadapan.

"Kita berbangga kerana Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang belum melaksanakan catuan air sejak empat tahun lalu dan ini adalah hasil pengurusan bekalan air mentah yang baik oleh PBAPP melalui toleransi sifar terhadap catuan air.

"Sekiranya berlaku catuan air, maka Kerajaan Negeri akan susah kerana ia melibatkan 561,811 pengguna berdaftar termasuk syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi 24 jam sehari," ujar beliau.

Sementara itu, Jaseni ketika diminta mengulas memberitahu, pihaknya akan membuat permohonan secara bertulis kepada Kementerian untuk melanjutkan tempoh jaminan bekalan air sehingga maksimum tiga tahun lagi.

"Apabila siap kelak, Empangan Mengkuang dapat membekalkan lebih tiga kali ganda air dari kuantiti sedia ada,"ujarnya.

Empangan Mengkuang sebelum ini dianggarkan mempunyai keluasan tiga kali ganda dari Empangan Air Itam dan apabila siap kelak, jumlah keluasan akan menjadi 27 kali ganda.

## Moko pisang, KN peruntuk RM100,000 bantu petani

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri memperuntukkan RM100,000 bagi tujuan pengawalan penyakit layu bakteria pisang atau penyakit moko yang menyerang tanaman pisang para petani negeri ini.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, bakteria dikenali *Ralstonia Solanacearum* tersebut menular melalui peralatan ladang yang tercemar atau sistem saliran tidak baik.

"Peruntukan sebanyak RM60,000 bagi petani Daerah Barat Daya dan RM40,000 (Seberang Perai Utara, SPU) adalah sebagai permulaan.

"Di Daerah Barat Daya, peruntukan ini digunakan termasuk untuk kerja-kerja pemusnahan pokok pisang, kos pembelian peralatan serta bahan dan kos upah lima petak pemerhatian bagi kawalan penyakit layu bakteria.

"Selain itu, Program Perintis Pemulihan Tanaman Pisang diteruskan dengan menggantikan pokok pisang dengan tanaman kelapa pandan. Sekiranya program percubaan ini berjaya, ia (kaedah ini) akan diperluas ke kawasan-kawasan yang dijangkiti bagi membolehkan para petani menjalankan tanaman hiliran sepanjang tempoh kuarantin," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketiga Belas di sini baru-baru ini.

Hujah beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya adalah bagi menjawab soalan dikemukakan ADUN Pulau Betong, Sr. Muhamad Farid Saad.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu bahawa pada Mac lalu, sebuah laporan mengenai Tindakan Kawalan Penyakit Moko Pisang termasuk usaha memusnahkan tanaman serta kuarantin kawasan telah dimaklumkan kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga memohon bantuan Persekutuan untuk membangunkan semula kawasan-kawasan yang terjejas dan memberi sedikit pampasan kepada petani terlibat, namun sehingga kini, tiada sebarang maklum balas positif diterima," ujar beliau.

## KPSK projek perintis gabungan rumah orang tua & kanak-kanak dalam proses

**GEORGE TOWN –** Sebagai kemudahan bagi ahli keluarga dan faktor kewangan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kini dalam proses merealisasikan projek perintis dengan menggabungkan rumah orang tua dan kanak-kanak di dalam sesebuah kawasan.

Kenyataan tersebut dinyatakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pada sesi penggulungan persidangan Dewan Undangan Negeri di sini baru-baru ini.

Katanya, penempatan bakal dikenali sebagai Kompleks Penyayang Sinar Kasih (KPSK) tersebut yang dibangunkan di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan.

"Kompleks ini bakal memudahkan waris yang menempatkan ahli-ahli keluarga mereka di sini.

"Sebelum itu, Kerajaan Negeri perlu terlebih dahulu mengkaji dan meneliti dengan terperinci berhubung pelaksanaan projek ini termasuk implikasi kewangan membabitkan kos pembinaan, penyelenggaraan bulanan dan perbelanjaan pengurusan harian penghuni-penghuni di sini kelak khususnya," katanya ketika menjawab pertanyaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin dan ADUN Berapit, Ong Kok Fooi sebelum itu.

## Exco terima memorandum, desak cegah judi atas talian di kafe siber



CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) dan Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) menerima memorandum daripada gabungan JKKK dari KADUN Machang Bubuk di DUN baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Garis panduan operasi pusat hiburan di negeri ini akan diperketatkan demi menangani aktiviti-aktiviti seperti perjudian haram atas talian di kafe siber, mencegah gejala membabitkan remaja serta pelajar sekolah.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tembatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian selepas menerima memorandum berwajib daripada gabungan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubuk.

"Kita (Kerajaan Negeri) tahu, pengusaha-pengusaha pusat hiburan ini ada yang mengambil kesempatan dengan memasukkan unsur-unsur perjudian atas talian, melalui internet di kafe siber.

"Kalaulah premis-premis ini didapati menimbulkan masalah seperti diutarakan, kita (Kerajaan Negeri) akan menerima baik cadangan ini untuk melihat garis panduan (ini) diperketatkan.

"(Ini,) termasuk langkah-langkah membekukan lesen-lesen premis baru, dengan zon-zon tertentu sahaja boleh kemukakan lesen-lesen (premis hiburan)," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

ADUN Batu Maung merangkap Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk) turut sertai majlis tersebut.

Memorandum itu antara lain mendesak Kerajaan Negeri menghentikan atau membekukan pengeluaran dan pembaharuan lesen baharu sedia ada.

Pada masa sama, ia (memorandum) turut menggesa operasi penguatkuasaan bersepadu membabitkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk memerangi aktiviti judi atas talian di pusat-pusat hiburan di negeri ini, khususnya di KADUN Machang Bubuk.

*Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13.*

# Exco Agama umum tubuh JK Islam Rahmatun Lil 'Alamin

**GEORGE TOWN –** Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Kerja Islam Rahmatun Lil 'Alamin baru-baru ini.

Katanya, Naib Presiden merangkap Pengerusi AMANAH Pulau Pinang, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar antara tokoh yang dijemput menyertai jawatankuasa kerja tersebut.

"Jawatankuasa ini (ditubuhkan) untuk kita berbincang dan menangani isu persepsi serta (isu) permasalahan negeri dan negara sekarang, untuk kita praktikkan maksud 'Islam sebagai Rahmat ke Seluruh Alam'," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung pada sidang media di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin dan Dato' Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP).

Jelas Abdul Malik, beberapa individu lain seperti Afif, Mohd. Salleh, Dato' Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal merangkap Pengerusi PKR Pulau Pinang) dan Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen DAP bagi Kawasan Bukit Bendera merangkap Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Institute,* PI) turut dijemput menganggotai Jawatankuasa Kerja Islam Rahmatun Lil 'Alamin.

Menurut beliau, penubuhan jawatankuasa ini adalah susulan pada penganjuran Konvensyen "Islam Rahmatun Lil 'Alamin" Peringkat Negeri, pada 6 hingga 8 November lalu.

Tambah Abdul Malik, jawatankuasa tersebut akan disertai beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertindak sebagai penganjur bersama konvensyen tersebut baru-baru ini, seperti Wadah Pencerdasan Ummah (WADAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM).

## ADUN syor wujudkan Muzium Durian di Jawi

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee mengesyorkan Kerajaan Negeri mewujudkan Muzium Durian di kawasan yang diwakilinya, untuk menarik lagi pelancong luar ke negeri ini.

Menurut Lip Chee, Dewan Undangan Negeri (DUN) Jawi telah dipilih sebagai lokasi penganjuran program Pesta Durian Peringkat Negeri pada tahun ini dan 2016, iaitu untuk menikmati *"Oh Chee"* dan jenis-jenis durian yang lain.

"Di negeri Kedah, ada Muzium Padi. Di negeri Johor ada Muzium Nanas.

"Kenapa di Pulau Pinang (khususnya) di Kawasan DUN Jawi tidak boleh diwujudkan juga Muzium Durian," katanya semasa sesi perbahasan Bajet 2016 Kerajaan Negeri, di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

# Hasil fi hotel diguna promosi sektor pelancongan negeri

**GEORGE TOWN –** Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang memberitahu bahawa sejumlah RM10,685,455 fi kerajaan tempatan yang dikenakan terhadap penginap hotel di negeri ini digunakan untuk tujuan mempromosikan sektor pelancongan negeri.

Katanya, dari Julai 2014 hingga September 2015, sejumlah RM9,462,192 telah dikutip di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan RM 1,223,263 melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Fi Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan Ketua Menteri telah mempersetujui bagi menjalankan beberapa program dan insentif dengan menggunakan jumlah fi yang telah dikutip.

"Program-program dan insentif ini adalah berkaitan dengan aktiviti promosi pelancongan sahaja (pada masa kini) dengan objektif untuk meningkatkan kadar kemasukan pelancong ke negeri ini bagi tahun 2016 dan seterusnya," katanya pada sesi penggulungan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri di sini.

Ucapan tersebut adalah sebagai menjawab pertanyaan dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Lau Keng Ee, Mohd. Zain Ahmad (ADUN Penaga) dan Sr. Muhamad Farid Saad (ADUN Pulau Betong).

Berkuatkuasa pada 1 Jun 2014 lalu, Fi Kerajaan Tempatan telah dikenakan kepada penginap hotel dengan kadar RM3 satu bilik satu malam (RM/bilik/malam) bagi hotel empat dan lima bintang, hotel tiga bintang dan ke bawah termasuk dormitori, hotel bajet, hostel dan sebagainya (RM2/bilik/malam).



SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus (kiri sekali) memeriksa sajian makanan yang disediakan pihak katering.

Berikut ialah jadual pecahan pelancong mengikut tahun 2010 hingga 2015

| Tahun/Jenis | Domestik | Antarabangsa | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 2010 | 2,956,390 | 3,048,320 | 5,990,864 |
| 2011 | 2956390 | 3063564 | 6,019,954 |
| 2012 | 2,996,282 | 3,096,907 | 6,093,189 |
| 2013 | 2,639,182 | 2,062,917 | 4,702,099 |
| 2014 | 3,617,170 | 3,230,399 | 6,847,569 |

*sumber Tourism Malaysia

Berikut adalah perbandingan jumlah pelancong suku pertama tahun 2014 dan 2015

| Tahun/Jenis | Domestik | Antarabangsa | Jumlah |
|---|---|---|---|
| 2014 | 725,600 | 775,761 | 1,501,361 |
| 2015 | 726,650 | 696,412 | 1,423,062 |
| Perubahan % | 0.14 | (10.23) | (5.22) |

*sumber Tourism Malaysia

Berikut ialah pecahan 10 kewarganegaraan pelancong asing yang tertinggi melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

| Negara | 2010 | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|---|---|
| Indonesia | 192,404 | 238,643 | 234,703 | 292,145 | 294,937 |
| Singapore | 96,400 | 113,993 | 98,777 | 131,130 | 146,657 |
| China | 31,325 | 46,517 | 43,676 | 55,612 | 67,165 |
| Japan | 22,668 | 29,015 | 24,454 | 31,297 | 31,944 |
| USA | 19,429 | 22,642 | 19,946 | 21,796 | 22,107 |
| Taiwan | 16,981 | 20,635 | 18,277 | 21,779 | 21,149 |
| Australia | 16,687 | 20,053 | 16,018 | 20,334 | 20,379 |
| Thailand | 16,442 | 17,594 | 15,641 | 18,684 | 19,420 |
| UK | 15,036 | 17,009 | 14,621 | 18,169 | 19,237 |
| India | 12,291 | 10,771 | 7,232 | 7,395 | 8,545 |

*sumber Jabatan Imigresen

**Lampiran A.**

# 31 juta pelancong ke P. Pinang dari 2010 hingga Q1 2015

**GEORGE TOWN –** Jumlah pelancong ke Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga suku tahun pertama (Q1) 2015 adalah berjumlah 31 juta (31,076,737 orang), lapor statistik *Tourism Malaysia*.

Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang berkata demikian sebagai menjawab soalan lisan dikemukakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) baru-baru ini.

"Seramai 15,878,218 orang adalah pelancong tempatan dan selebihnya adalah pelancong asing," jelasnya yang juga ADUN Batu Lanchang di sini.

Menurut Heng Kiang, pecahan 10 kewarganegaraan pelancong asing tertinggi melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) adalah Indonesia, diikuti Singapura, China, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan, Australia, Thailand, United Kingdom dan India.

"Ini adalah 10 (kewarganegaraan) pelancong asing tertinggi sejak tahun 2010 hingga 2014," ujar beliau. (Rujuk Lampiran A).

# PR1MA: Jangan bagi rakyat berharap, kalau tak ada, cakap tak ada - Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA digesa menjelaskan status pembinaan 24, 923 unit rumah yang diluluskan di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) pada 21 Ogos 2015 lalu yang turut dihadiri oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Jelas beliau, mesyuarat dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Razak itu telah memaklumkan bahawa sehingga akhir Julai 2015, anggota Perbadanan PR1MA Malaysia meluluskan 153,807 unit rumah termasuk di negeri Pulau Pinang yang mencatatkan kelulusan tertinggi iaitu sebanyak 24, 923 unit rumah.

"Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini (23 November), kita (Kerajaan Negeri) masih belum menerima sebarang permohonan rasmi PR1MA berhubung unit rumah yang diluluskan itu.

"Saya amat berharap, sekurang-kurangnya memaklumkan secara rasmi tentang kedudukan dan status pembekalan unit rumah PR1MA di Pulau Pinang.

"Jangan bagi kami rakyat Pulau Pinang tertunggu-tunggu dan berharap, kalau tak ada, cakap tak ada, kalau ada, beritahu di mana dan bila akan dibangunkan," katanya kepada pemberita dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep sebelum ini telahpun mengadakan perbincangan dengan wakil PR1MA pada 25 Ogos lalu, namun sehingga kini masih tiada apa-apa perkembangan lanjut berkaitan pembekalan rumah PR1MA di Pulau Pinang.

"Lebih membingungkan apabila menerima makluman bahawa kelulusan telahpun dibuat melalui MPN dan kita (Kerajaan Negeri) tidak menerima sebarang permohonan hitam putih dari PR1MA.

"Oleh itu, hari ini (23 November 2015) saya menulis sepucuk surat kepada Menteri KPKT, Datuk Abdul Rahman Dahlan memohon pengesahan dan penjelasan beliau berhubung perkara ini," jelasnya.

Selain itu, melalui suratnya, Jagdeep turut menuntut penjelasan berhubung 100,000 unit rumah di bawah skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPAIM) berharga antara RM90,000 hingga RM300,000 yang akan dibina sebelum 2018 termasuk 22,300 unit pangsapuri dan 9,800 rumah teres berjumlah RM863 juta di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) sebagaimana diumumkan Perdana Menteri dalam Bajet 2016 baru-baru ini.

Terdahulu, ketika menghadiri Program Roadshow Rumah Mampu Milik (RMM) Mission Home-Possible 2.0 bagi Daerah Timur Laut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa pihaknya juga menulis sepucuk surat bertarikh 30 September 2015 kepada Ketua Pegawai Operasi PR1MA, Datuk Ar. Aminuddin Abdul Manaf dengan memberi cadangan supaya pembangunan perumahan PR1MA dapat dilaksanakan di Pulau Pinang kerana rakyat Pulau Pinang juga memerlukan rumah.

"Walaupun telah banyak pengumuman dibuat berhubung PR1MA, namun kita belum memperoleh jawapan rasmi dan terkini.

"Sekiranya PR1MA ingin membina rumah di Pulau Pinang, kita pasti akan membantu menjayakannya demi kepentingan rakyat," kata Jagdeep.



JAGDEEP Singh Deo (duduk, dua dari kanan) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

## Projek serampang dua mata, atasi pencemaran & sungai 'tersumbat'

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJUNG BUNGA** – Sebagai usaha mengatasi masalah muara sungai tersumbat dan pencemaran di pantai Batu Feringghi, sebuah saluran *(outfall)* sepanjang 120 meter yang dibina menganjur ke pantai dijangka siap menjelang Februari 2016 di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, saluran bersifat serampang dua mata tersebut bakal membolehkan aliran dua sungai iaitu Sungai Satu dan Sungai Batu, Batu Feringghi mengalir jauh ke tengah laut.

"Kini, kedua-dua muara sungai tersebut kerap dipenuhi mendakan dan tersekat sehingga terdedah kepada pencemaran.

"Justeru, apabila projek Pemuliharaan dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Pantai Batu Feringghi ini siap, selain mengatasi pencemaran dan penutupan muara sungai, ia (projek) juga mampu menangani hakisan pantai.



TEBING Sungai Batu, Batu Feringghi yang dalam proses pembinaan.

"Serentak itu, projek tersebut juga bakal memperluaskan kawasan rekreasi jajaran pantai sejauh 30 meter bagi kemudahan riadah para pengunjung serta pelancong," katanya pada sesi lawatan ke lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Haslinda Mohd. Hamran dan Pengarah Projek Indah Water Konsortium (IWK), Voon Kok Ping.

Mengulas lanjut, Haslinda memberitahu bahawa sebuah 'jambatan' juga akan dibina merentasi *'outfall'* berkaitan khas untuk aktiviti riadah.



HASLINDA Mohd. Hamran (kiri sekali) dan Chow Kon Yeow (tengah) meninjau pelaksanaan projek naiktaraf muara Sungai Satu, Batu Feringghi pada sesi lawatan di sini baru-baru ini.

"Kita yakin dengan kecekapan yang ada, projek ini akan dapat disiapkan demi kepentingan bersama khususnya pemuliharaan alam sekitar di Batu Feringghi," ujarnya sambil menyatakan bahawa kos projek tersebut adalah berjumlah RM10.850 juta.

Dalam pada itu, Kok Ping menyatakan bahawa IWK juga akan membina saluran baru bagi tujuan pelepasan sisa kumbahan Gred A (Bersih) ke laut dengan keseluruhan kos bernilai RM40 juta meliputi pelan pembersihan serta pemasangan paip baru.

"Pelan rawatan sisa kumbahan yang kini adalah berkapasiti 30,000 P.E *(population equivalent)* akan dinaiktaraf kepada 60,000 P.E.," jelas beliau sambil menyatakan bahawa orang ramai tidak perlu bimbang mengenai pencemaran yang mampu mengancam kebersihan serta kesihatan kerana kedua-dua aspek tersebut adalah dikawal ketat oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

# PISF platform pelaksanaan 'Inspirasi Inovasi' negeri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



PARA pengunjung cilik teruja memerhatikan 'keupayaan' sebuah robot yang dipamerkan.



KETUA Menteri sambil ditemani Dr. Wan Azizah Wan Ismail (bertudung) meneliti dan mendengar penjelasan mengenai hasil reka cipta sekumpulan pelajar yang dipamerkan pada penganjuran PISF 2015 di sini baru-baru ini.

**BAYAN BARU** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang bakal menjadikan Pameran Sains Antarabangsa Pulau Pinang (PISF) sebagai sebahagian daripada platform pelaksanaan misi *Penang Science Cluster* (PSC) iaitu 'Inspirasi Inovasi' negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, PISF berperanan seiring dengan PSC dalam membangunkan minda generasi muda melalui pendedahan secara terus kepada bidang sains dan kejuruteraan.

"Pameran sains ini bukan sahaja merangsang pengalaman inovatif buat generasi muda, bahkan penganjurannya memberi ruang pendedahan yang lebih besar untuk golongan ini (generasi muda) mengenali dengan lebih dekat kedua-dua bidang yang penting ini," ucapnya pada Majlis Perasmian PISF 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Lembaga Pengarah PSC, Dr. Yoon Chon Leong dan Pengarah Urusan Motorola Solutions Malaysia Sdn. Bhd., Dr. Hari Narayanan.



PARA pelajar mencuba sebahagian aktiviti yang disediakan.

Penganjuran memasuki tahun ke-empat tersebut adalah hasil kerjasama perkongsian awam swasta (PPP) antara Kerajaan Negeri dengan penggiat-penggiat industri teknologi yang membentuk tulang belakang PSC.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa PISF juga merupakan satu-satunya platform yang berjaya mengumpulkan para pengerak industri untuk sama-sama berganding bahu dengan mengenepikan perbezaan daya saing masing-masing demi pelaksanaan sebuah aspirasi iaitu, mempamerkan kehebatan sains dan aplikasi praktikal untuk kebaikan masyarakat serta generasi muda khasnya.

Dalam pada itu, selaku Pengerusi Penganjuran PISF tahun ini, Hari memberitahu bahawa generasi muda perlu dipupuk dengan kreativiti dan inovasi melalui promosi STEM *(Science, Technology, Engineering and Math Education)*.

"Keperluan bakat terus berkembang, lebih-lebih lagi apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang bermatlamat menjadikan negeri ini sebuah negeri pintar.

"Ia memerlukan bakat-bakat dalam bidang sains dan teknologi, justeru, adalah penting untuk menarik minat golongan ini (muda) bermula di bangku sekolah," ujar beliau.

## REHDA PP gesa agensi kewangan longgar syarat pinjaman

**SERI DELIMA** – Agensi kewangan negara digesa melonggarkan syarat pinjaman perumahan demi kepentingan pembeli rumah pertama yang rata-ratanya merupakan golongan muda.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pengerusi Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Pulau Pinang, Datuk Jerry Chan pada majlis taklimat bersama-sama media di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, isu tersebut dilihat begitu penting bagi membolehkan golongan berkaitan berpeluang memiliki rumah sendiri demi masa depan.

"Pihak bank (agensi kewangan) perlu lebih kreatif dalam membentuk skim pinjaman baharu bagi golongan muda yang baru bekerja dan tidak mempunyai pendapatan tinggi," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyeru supaya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar segera meluluskan permit pengiklanan dan lesen pemaju (APDL) di negeri ini yang sekian lama tertangguh.

"Sehingga kini, lebih 5,000 unit rumah membabitkan 50 projek perumahan di Pulau Pinang terjejas akibat kegagalan permit tersebut.

"Mereka (pihak kementerian) sepatutnya duduk dan berbincang bersama Kerajaan Negeri dalam menguruskan permasalahan terbabit, yang mana menyebabkan kerugian kepada pihak pemaju, kesukaran pembeli membeli hartanah dan mampu menjejaskan ekonomi.

"Lebih memburukkan keadaan, kegagalan mendapat APDL bakal menyebabkan banyak projek rumah mampu milik dan kos rendah yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri dan pembeli tidak dapat dilaksanakan," jelas beliau.

## Merokok di kawasan diwartakan, berdepan kompaun atau penjara

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** – Mulai 1 Januari 2016, Jabatan Kesihatan Pulau Pinang (JKPP) bakal mengambil tindakan kompaun terhadap pesalah laku yang didapati merokok di kawasan-kawasan diwartakan sebagai kawasan bebas asap rokok melalui kempen Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR) di sini.

Pengarah Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Zailan Adnan berkata, sejak Julai lalu, melalui pelaksanaan PENBAR, Tapak Warisan UNESCO George Town telah diwartakan sebagai lokasi bebas asap rokok.

"Justeru, mulai tahun 2016, orang ramai tiada lagi alasan untuk menyatakan sebaliknya apabila berada di lokasi berkaitan.

"Malah, dalam memastikan kepatuhan terhadap polisi yang diperkenalkan, sebuah pasukan *task force* telah ditubuhkan sejak tahun lalu yang terdiri daripada anggota Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Penang Port Sdn. Bhd., Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Justeru, bermula Januari 2016, mereka yang disabitkan dengan kesalahan merokok di kawasan berkaitan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya pada Majlis Pelancaran Promosi Kempen PENBAR Bersama-sama Rapid Penang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi Rapid Penang Sdn. Bhd., Mejar (B) Mohd. Shukri Abdul.

Pada pelancaran tersebut, dua bas Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) 'dibalut' dengan mesej berhubung kempen PENBAR.

Kempen PENBAR yang dilancarkan pada 1 Oktober 2012 telah mewartakan enam taman rekreasi di Pulau Pinang sebagai kawasan larangan merokok di bawah Peraturan (11), Peraturan Kawalan Hasil Tembakau. Susulan itu, pada 4 Julai 2015, ia turut diwartakan di Tapak Warisan UNESCO George Town.

# Dasar pengurusan sisa galak inisiatif pengasingan sisa & kitar semula

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri yakin pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca menjelang Jun 2016 akan menyumbang ke arah pengurangan sehingga 30 peratus pembuangan sisa sekaligus menggalakkan inisiatif kitar semula.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, berdasarkan kajian tingkah laku oleh Penang Green Council (PGC) Strategies Sdn. Bhd. baru-baru ini, sekurang-kurangnya 86.5 peratus daripada 1,484 responden bersetuju sekiranya Kerajaan Negeri menguatkuasakan sistem pengurusan sisa yang lebih ketat.

"Majoriti responden percaya bahawa amalan segregasi atau pengasingan sisa di punca dan kitar semula dapat ditingkatkan sekiranya orang ramai terikat dengan penguatkuasaan undang-undang.

"Penguatkuasaan ini termasuklah di pusat-pusat membeli-belah, rumah-rumah kedai, kilang, kampung-kampung dan kediaman bertingkat terpilih sama ada di sebelah pulau mahupun Seberang Perai," katanya yang juga Naib Pengerusi PGC pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri, Oon Lai Kuan; Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen dan Pegawai Penyelidik PGC, Salwa Ismail.

Dalam pada itu, menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri juga akan memperhalusi syarat-syarat bagi mewajibkan semua jawatankuasa pengurusan bersama (JMC) dan syarikat pengurusan (MC) menyediakan tong-tong kitar semula di kediaman bertingkat tinggi masing-masing.

"Penguatkuasaan ini pasti akan mengambil sedikit masa, tetapi saya berharap semua JMC dan MC dapat memberi kerjasama untuk mempergiat dan mengukuhkan aktiviti kitar semula serta pengasingan sisa pepejal di punca.

"Saya yakin, dengan adanya peraturan atau undang-undang, maka rakyat akan akur," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Terdahulu, Kon Yeow menghadiri sesi taklimat dan keputusan hasil Kajian Tingkah Laku Terhadap Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca dan Amalan 3R di Pulau Pinang bagi Tahun 2015 di sini.

Sejumlah 1,484 responden mengambil bahagian dalam kajian yang dijalankan pada 29 Julai hingga 29 September lalu.

Hasil kajian mendapati, hanya 70.4 peratus responden mencadangkan pengukuhan polisi dan amalan kitar semula alternatif, manakala 66.3 peratus pula mencadangkan penggunaan teknologi tenaga terkini.



**CHOW Kon Yeow (duduk, kanan sekali), Oon Lai Kuan (duduk, kiri sekali), Thing Siew Shuen (berdiri, kanan sekali) dan Salwa Ismail (berdiri, kiri sekali) menunjukkan laporan hasil kajian tingkah laku berhubung pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca pada sidang media di sini baru-baru ini.**




**DR. Afif Bahardin (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan pukat kepada salah seorang penerima, sambil disaksikan Asrol Sani Abdul Razak (dua dari kiri) dan Muhasdey Muhamad (tiga dari kiri) pada Program Penyerahan Pukat 2015 Peringkat Daerah SPU di sini baru-baru ini.**

# Sumbangan pukat diharap kurangkan beban nelayan

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI DUA –** Sumbangan pukat dua kali setahun kepada 3,121 nelayan persisiran pantai yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri diharap mampu mengurangkan kos mereka ketika (kos) sara hidup kian meningkat belakangan ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata demikian pada Program Penyerahan Pukat 2015 Peringkat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini di sini.

"Kita (Kerajaan Negeri) yakin dengan pemberian bantuan pukat ini, kita membantu golongan nelayan khususnya nelayan persisiran pantai di negeri Pulau Pinang ini untuk meringankan beban dan kos operasi masing-masing," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak, Muhasdey Mohamad (PPK Pinang Tunggal) dan Norhayati Jaafar (PPK Teluk Air Tawar) serta Pegawai Daerah SPU, Saodah Nawawi.

Menurut Afif, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta kenaikan harga minyak turut memberi impak berantai pada belanjawan tahunan Kerajaan Negeri sendiri.

Bagaimanapun, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri akan tetap memberi sumbangan pukat dua kali tiap-tiap tahun kepada mereka (nelayan) yang berdaftar, sebagaimana dijanjikan oleh pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) Mei 2013 lalu.

Pun begitu, Afif tidak boleh memberikan jawapan muktamad mengenai syor umum nelayan supaya memberi lebih banyak insentif kepada golongan berkaitan ketika ekonomi tanah air kian mencabar, ekoran kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM).

"Ada yang datang berjumpa saya minta ditambah pukat lagi, saya minta sabar.

"Kita akan pertimbang berdasarkan prestasi kewangan kita (Kerajaan Negeri), jika semakin bagus pada tahun depan, kalau kita diminta tambah, kita akan tambah," ujarnya.

Dalam pada itu, Afif turut merakamkan penghargaan kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta persatuan-persatuan nelayan berwajib kerana banyak membantu Kerajaan Negeri menyediakan senarai mereka yang layak menerima pukat bagi tahun ini.



# Jadikan masjid medan muzakarah "Islam Rahmatun Lil 'Alamin" – Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**




**ISMAIL Menk ketika berucap pada penganjuran Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**PADANG KOTA –** Masjid seharusnya terus dijadikan medan ilmu dan muzakarah oleh tokoh ilmuan di tanah air ini, dan bukan terbatas pada aktiviti ibadah khusus seperti solat semata-mata.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim berkata demikian semasa berucap pada malam peluncuran Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

“Kita patut contohi kegemilangan Kerajaan Islam di zaman pemerintahan Khalifah, kegemilangan Islam di Andalusia (Sepanyol) dan kegemilangan zaman ilmuan Islam yang membawa manfaat kepada seluruh umat pada ketika itu.

“Dalam menuju pembangunan ummah di Pulau Pinang, kita turut akan bermuzakarah antara masjid seluruh negeri bagi memaksimakan penggunaan masjid untuk kepelbagaian aktiviti selain ibadat semata-mata,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung di sini baru-baru ini.

Malah, tambah Abdul Malik, penghayatan maksud "Islam sebagai Rahmat Ke seluruh Alam" yang cuba disemarakkan oleh Kerajaan Negeri sepatutnya meliputi semua komuniti di negeri ini, bukan hanya berlegar dalam kalangan umat Islam sahaja.

"Sejajar dengan tema (Al-Islam) *Rahmatun Lil Alamin*, agama Islam tidak harus dipandang hanya kepada sesuatu komuniti sahaja, bahkan perlu menjadi contoh baik kepada seluruh umat," jelasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam ucapannya menamakan Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sebagai seorang pemimpin bukan Islam yang memahami nilai-nilai universal dituntut dalam Islam.

“Ketika beliau (Guan Eng) berucap, beliau mampu memberi contoh seperti *amar makruf nahi mungkar* (menyuruh kebaikan, mencegah kemungkaran) dan meneladani kepimpinan khalifah Islam Umar Abdul Aziz dalam menjalankan pentadbiran bersih serta berjiwa rakyat.

“Dari sini, kita boleh melihat *Rahmatun Lil Alamin* itu dapat mempengaruhi bukan sahaja orang Islam, bahkan orang bukan Islam turut tertarik dengan keindahan dari teladan yang dianjurkan,” ujar Mohd. Rashid yang juga ADUN Pantai Jerejak.

Malam kemuncak konvensyen tersebut dirasmikan sendiri oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, diiringi isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afir Bahardin, Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti) serta penceramah merangkap tetamu khas, Mufti Kerajaan Zimbabwe, Ismail Menk.

Ismail, dalam pidatonya mengupas dengan lebih lanjut surah Al-Anbiya, ayat 107 yang bermaksud, "*Kami tidak mengutuskan engkau wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat bagi seluruh manusia*."

Beliau turut menyatakan umat Islam pada hari ini adalah lebih penting untuk kembali kepada ajaran sebenar Islam yang sangat indah, supaya lebih dihormati oleh orang lain.

Konvensyen yang mengambil masa selama tiga hari tersebut turut diserikan dengan diskusi mengenai Pembelaan Hak Wanita Dalam Islam, Peranan Islam Dalam Perlembagaaan Malaysia, Fungsi Mahkamah Syariah Dalam Pembentukan Masyarakat, Masjid Sebagai Pusat Pembangunan, Hak Asasi Manusia, Urus Tadbir Yang Baik dan Pembudayaan Ilmu.

# Imunisasi lebih murah berbanding rawat hepatitis – Exco

**GEORGE TOWN –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, imunisasi merupakan antara kaedah yang lebih murah untuk mencegah hepatitis, berbanding merawat mereka yang mengidap penyakit tersebut.

"Hepatitis memang boleh dicegah dan boleh diubati walaupun tidak terlalu murah untuk imunisasi ke atas bayi baru lahir.

"Tetapi, kos untuk merawat pesakit ini adalah lebih mahal berbanding kos imunisasi ke atas bayi baru lahir, dan kerana itu langkah pencegahan lebih baik daripada merawat," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada sambutan Hari Hepatitis 2015 Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Presiden Malaysian Liver Foundation (MLF), Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican, Datuk Dr. Nor Shahidah Khairullah (Ketua Pegawai Eksekutif MLF), Datuk Dr. Robert Ding (pengerusi penganjur merangkap Naib Presiden MLF) dan Khor Siang Gin (Pengarah Urusan Hunza Properties Berhad) turut menyertai majlis tersebut.

Menurut Afif, kira-kira 2.5 juta warganegara keradangan hati, dengan majoriti yang pengidap sakit Hepatitis B.

Serentak itu, beliau turut memuji pergerakan sukarelawan MLF kerana menganjurkan majlis sambutan untuk tahun ke-15 pada kali ini, dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).

""Ia adalah satu-satunya badan kebajikan sukarela, bukan keuntungan dan khusus pada aspek pendidikan awam, latihan doktor dan penyelidikan dalam semua aspek penyakit hati, terutama hepititis serta kanser hati," jelasnya sebelum dilangsungkan program semakan kesihatan berkaitan di sini.

Hari Hepatitis Sedunia disambut pada tanggal 28 Julai tiap-tiap tahun bagi meningkatkan kesedaran global mengenai penyakit Hepatitis B dan Hepatitis C, serta mendorong langkah pencegahan, semakan kesihatan serta rawatan berwajib.




**DR. Afif Bahardin (tiga dari kiri) menyerahkan replika kunci rumah yang baru siap dibina kepada penerima terpilih pada Program Jelajah Desa Daerah SPT 2015 di sini baru-baru ini.**

# SPT terima RM891,000 peruntukan Projek Ekonomi Khas

**PENANTI –** Sebanyak RM891,000 telahpun dibelanjakan di bawah Projek Ekonomi Khas Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membina lapan unit rumah baru dan membaiki 36 unit rumah, serta membeli 10 peralatan perniagaan, yang dipohon oleh orang-perseorangan dari daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, peruntukan tersebut adalah benar-benar bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan serta penggerak perniagaan desa untuk memulihkan ekonomi masing-masing di negeri ini.

"Walaupun hampir semua kawasan kampung berada di luar bandar atau pinggir pekan-pekan kecil, tetapi masih ramai lagi perlu dibantu oleh Kerajaan Negeri.

"Peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.2 juta di bawah Projek Ekonomi Khas ini, kita (Kerajaan Negeri) agih berdasarkan keperluan, yang meliputi kelima-lima daerah, seperti SPT mendapat peruntukan sebanyak RM891,000," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada Program Jelajah Desa Peringkat Daerah SPT di sini baru-baru ini.

Pegawai Daerah SPT, Zulkifli Long turut sertai program turun padang tersebut.

Selain itu, Afif turut memberi ulasan mengenai keadaan pembangunan infrastruktur asas seperti keadaan jalan desa yang berlubang serta kekurangan lampu jalan.

Kata beliau, pihaknya akan cuba mengetengahkan beberapa isu berbangkit tersebut dalam mesyuarat berwajib di peringkat negeri, demi keselesaan hidup komuniti desa.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui UPEN memperuntukkan RM2.2 juta di bawah Projek Ekonomi Khas, meliputi kelima-lima daerah di bahagian pulau dan Seberang Perai.



**SALAH seorang penerima sumbangan peralatan.**

# Hanya nelayan P. Pinang diberi bantuan pukat dua kali setahun - Exco

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG –** Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin menyatakan bahawa nelayan di Pulau Pinang merupakan golongan yang paling bertuah sekiranya dibandingkan dengan (nelayan) negeri lain.

Jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, sehingga kini, tiada nelayan di negeri lain yang diberi bantuan pukat sebanyak dua kali dalam tempoh setahun sebagaimana Pulau Pinang.

"Cuba tuan-tuan pergi tanya nelayan di negeri berjiranan sama ada mereka (para nelayan) menerima bantuan seperti ini atau tidak, sebab setahu saya, tiada lagi nelayan di negeri lain menerima bantuan seperti yang kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) beri.

"Kewangan yang stabil dan pentadbiran yang cekap membolehkan Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai insentif kepada rakyat dan kita (Kerajaan Negeri) mampu teruskan bantuan ini sehingga kini.

"Sumbangan kali ini merupakan kali kelima kita (Kerajaan Negeri) berikan bantuan pukat kepada tuan-tuan," katanya pada Program Penyerahan Pukat 2015 Peringkat Zon Nelayan Pulau Pinang Selatan di Permatang Damar Laut baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

Seramai 500 nelayan dari Zon Pulau Pinang Selatan menerima dua set pukat mengikut permintaan pada majlis berkaitan.

Bagi seluruh Pulau Pinang, sumbangan pukat dua kali setahun berkenaan adalah membabitkan 3,121 nelayan dengan kos keseluruhan, RM1.09 juta setahun.

Dalam pada itu, Abdul Malik menyatakan bahawa sumbangan tersebut merupakan suatu penghargaan kepada golongan nelayan yang sentiasa bertungkus-lumus memastikan rakyat Pulau Pinang terus menikmati hasil laut.

"Pemberian pukat yang dianggarkan berharga RM180 ini diharap dapat meringankan sedikit beban para nelayan.

"Ini adalah kerana, kita kini dihimpit dengan masalah kelembapan ekonomi, kenaikan harga barang, cukai barangan dan perkhidmatan (GST) dan penurunan nilai mata wang," ujar beliau.



**ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan pukat kepada beberapa nelayan pada penganjuran Program Penyerahan Pukat 2015 Pulau Pinang Peringkat Zon Nelayan Pulau Pinang Selatan di sini baru-baru ini.**



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan) menjelaskan cara-cara mengisi borang kepada salah seorang pengunjung yang hadir pada penganjuran Karnival Kerjaya Temuduga Terbuka 'Industry Looking For Talents' di sini baru-baru ini.**

# Panggilan kertas cadangan GTF 2016 dibuka

**GEORGE TOWN –** Panggilan kertas cadangan atau *call for proposal* (CFP) bagi Festival George Town (GTF) 2016 kini dibuka sehingga 31 Disember 2015.

Pengarah GTF, Joe Sidek berkata, pihaknya kini telah menerima beberapa kertas cadangan program dan penyertaan untuk GFT 2016.

"Sehingga awal November, kami telah menerima kertas-kertas cadangan dari seluruh dunia termasuk Brazil, Argentina, Iran, Kanada, Australia dan Korea dan hanya satu kertas cadangan diterima daripada seorang artis di Pulau Pinang.

"Oleh itu, saya ingin mengalu-alukan karyawan, seniman yang ada di tanah air untuk turut sama menghantar kertas cadangan bagi menyertai program GTF tahun hadapan melalui laman web yang telah disediakan *(georgetownfestival.com)*," katanya pada sidang media di pejabat *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) Sdn. Bhd., Dato' Ir. Jaseni Maidinsa selaku penaja korporat tahunan; Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee; mantan Pengurus Besar GTWHI, Lim Chooi Ping serta wakil penaja korporat dari Kumpulan Boon Siew.

Joe dalam pada itu turut berharap pihaknya dapat memulakan tindakan pengesahan penyertaan pada Januari tahun hadapan dan merancang atur cara menjelang Mac nanti.




**RISALAH promosi GTF 2016.**

"Kita akan umumkan apabila semuanya telah disahkan dalam kalender sambutan GTF 2016 menjelang Mac tahun depan," jelas beliau.

Tambahnya, sambutan GTF 2016 bakal menampilkan tema berbeza iaitu kenari kuning yang cerah serta menumpukan pada pembinaan keupayaan dan kemasyarakatan tempatan.

"Tahun ini, sejumlah 67.5 peratus program-program yang dianjurkan sepanjang GTF adalah berkisarkan intipati keMalaysiaan.

"Sebagai sebahagian daripada GTF 2016, Konvensyen Tahunan ke-34 Persekutuan untuk promosi Kebudayaan Asia juga akan diadakan. Sebelum ini, penganjuran tersebut diadakan di Seoul, Tokyo, Bangkok, dan Shanghai, dan pada tahun depan, Pulau Pinang dipilih," ujar beliau.

Festival George Town 2016 dijadualkan berlangsung pada 29 Julai hingga 28 Ogos depan.

# Karnival kerjaya pikat 1,500 pengunjung



**WAKIL-wakil syarikat yang mengambil bahagian membantu pengunjung yang hadir bagi mendapatkan maklumat.**

**PERAI –** Seramai 1,500 pengunjung terdiri daripada lepasan graduan, penganggur dan individu yang ingin mencari pengalaman kerja baharu membanjiri Karnival Kerjaya Temuduga Terbuka 'Industry Looking For Talents' di sini baru-baru ini.

Karnival anjuran Jawatankuasa MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat itu adalah bertujuan membekalkan maklumat kepada mereka yang berminat dalam bidang-bidang kerjaya tertentu.

Pengerusi jawatankuasa merangkap Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, kejayaan penganjuran karnival tersebut sekaligus menyangkal khabar angin yang tidak benar mengenai ekonomi negeri Pulau Pinang.

"Ini termasuk khabar angin mengenai penutupan kilang-kilang atau syarikat yang telah lama bertapak di negeri ini.

"Justeru, saya ingin tegaskan di sini bahawa khabar angin itu adalah tidak benar sama sekali," katanya pada Majlis Perasmian Karnival Kerjaya Temuduga Terbuka 'Industry Looking For Talents' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Sharmizan Mohamad Nor dan Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Bertam, Asrol Sani Abdul Razak.

Mengulas lanjut, Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak memberitahu bahawa peluang pekerjaan di Pulau Pinang adalah masih luas dengan catatan kadar pengangguran yang paling rendah dalam negara kini.

"Bagi memastikan sesebuah syarikat atau kilang terus untung, pihak terbabit akan membuat penambahbaikan terhadap sebahagian unit yang ada melalui pengambilalihan oleh syarikat lain yang lebih besar.

"Melalui proses itu, sesebuah unit mungkin terpaksa ditutup atau dikembangkan mengikut keperluan semasa syarikat berkaitan dan bukanlah (penutupan) keseluruhan kilang seperti yang disebarkan pihak tidak bertanggungjawab," jelas beliau.

Pada karnival tersebut, sebanyak 500 peluang pekerjaan pelbagai jawatan ditawarkan 12 syarikat yang mengambil bahagian dan berpangkalan di Pulau Pinang.

# Jenayah seksual kanak-kanak dan daftar pedofilia (Bahagian 2)

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**KES** jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara ini, sebagaimana juga di negara lain, sudah pasti akan menimbulkan kegemparan. Menurut statistik, setiap tahun tidak kurang daripada 2,000 kanak-kanak bawah umur 18 tahun dirogol, dan ini hanya mengambil kira kes yang dilaporkan. Sudah tentu, terdapat banyak lagi kes yang akan kekal senyap dan akhirnya lenyap bersama hayat mangsa.

Saya pasti ramai lagi yang masih ingat kepada kes Nurin Jazlin yang berusia lapan tahun ketika hilang berdekatan rumahnya di Wangsa Maju. Mayat Adik Nurin kemudiannya dijumpai lemas setelah dirogol. Sehingga ke hari ini, pelakunya belum diketahui.

Selain Adik Nurin, banyak lagi kes jenayah seksual kanak-kanak yang menyayat hati, misalnya kes rogol dan bunuh Nurul Huda Abdul Ghani, Harirawati Saridi yang kedua-duanya berusia 10 tahun, serta Nurul Nadirah Abdullah, juga dikenali sebagai Dirang, yang berusia lima tahun sahaja. Ini sekadar yang kita tahu.

Hakikatnya, terdapat ribuan lagi mangsa yang lain. Ramai yang kehilangan nyawa, ramai lagi yang terpaksa hidup dengan parut zahir dan luka batin untuk seumur hidup. Kanak-kanak ini, biar siapa pun mereka, biar apa pun latar mereka, pada hakikatnya mereka juga adalah anak-anak kita.

Setiap kali berlaku kejadian kes rogol kanak-kanak, kita akan menyaksikan masyarakat mencemuh kekejaman ini sambil mencurahkan simpati. Keluarga mangsa pula menaruh harapan ke atas undang-undang untuk melindungi anak mereka dan memastikan keadilan ditegakkan.

Namun, kita pernah lihat beberapa kes di mana pelaku yang didapati bersalah telah diberikan hukuman ringan ataupun dilepaskan dengan perintah berkelakuan baik *(good behaviour bonds)*. Berikutan itu, mereka bukan sahaja dilepaskan, malah dibenarkan untuk menjalankan kehidupan harian seperti biasa, termasuk bekerja dalam persekitaran yang mempunyai ramai kanak-kanak, lantas memudahkan mereka untuk mengulangi perilaku jijik mereka.

Di sini, jelas terdapat kelemahan dan kekurangan dalam undang-undang sedia ada di negara kita. Justeru, sebagai ahli badan perundangan tertinggi, banyak lagi yang boleh kita usahakan untuk memastikan gejala ini dapat dibendung dan dikurangkan.

Sebagai contoh, Perkara 17(2) (c) Akta Kanak-kanak 2001 menyatakan bahawa kanak-kanak yang teraniaya dari segi seks atau yang terlibat dalam apa-apa aktiviti yang berunsurkan seks harus diberikan perlindungan. Namun begitu, Akta ini bukan bersifat pencegahan dan tidak ada peruntukan untuk pemantauan atau pengawalan ke atas mereka yang didapati memiliki kecenderungan terhadap pedofilia, misalnya, iaitu kecelaruan psikologi di mana orang dewasa memiliki tarikan seksual terhadap kanak-kanak.



ZAIRIL Khir Johari ketika berbahas di Parlimen.

Satu kes yang tidak mungkin kita lupakan adalah pelajar Malaysia tajaan MARA di United Kingdom yang ditangkap dan dipenjarakan atas kesalahan pornografi kanak-kanak. Kes ini mendapat perhatian antarabangsa kerana pelajar dalam bidang matematik yang menuntut di Imperial College, London itu telah didapati memiliki 30,000 gambar dan video termasuk yang membabitkan penderaan seksual kanak-kanak.

Pada ketika itu, ada pula pihak yang menyeru agar beliau diberikan "peluang kedua" untuk menyambung pengajiannya di Malaysia setelah habis menjalankan hukuman penjaranya di UK. Meskipun saya tidak menolak keperluan untuk memberikan peluang kedua, saya yakin tidak ada mana-mana ibu bapa yang akan rasa selesa jika tahu bahawa anak mereka akan menuntut bersama dengan seorang pesalah laku jenayah seksual yang begitu melampau.

Malangnya, sebaik sahaja beliau kembali ke tanah air, beliau akan bebas tanpa sebarang pengawasan ke atas kegiatannya. Ini kerana negara kita tidak mempunyai undang-undang yang dapat memastikan mereka yang mempunyai kecenderungan pedofilia dapat dipantau agar tidak diberi peluang untuk memuaskan nafsu serakah mereka.

Oleh itu, saya harap agar Akta Kanak-Kanak 2001 boleh dipinda bagi melarang atau mengekang pergerakan pelaku jenayah seksual agar mereka tidak mendekati kawasan-kawasan seperti sekolah, pusat penjagaan, taman permainan dan sebagainya, ataupun bekerja dalam persekitaran yang membabitkan kanak-kanak. Cuba bayangkan jika mereka menjadi pendidik atau pengasuh kanak-kanak!

Namun, undang-undang begitu tidak mencukupi jika tiada mekanisme untuk memantau dan mengawal mereka yang disabitkan atas kesalahan seksual, khususnya yang membabitkan kanak-kanak. Justeru, saya juga mencadangkan agar satu daftar pelaku jenayah seksual *(sex offender registry)* diwujudkan untuk tujuan ini.

Dalam hal ini, terdapat dua jenis daftar, sama ada yang terbuka seperti di Amerika Syarikat, ataupun tertutup seperti di kebanyakan negara lain. Pada hemat saya, adalah tidak wajar daftar terbuka digunakan, kerana ia akan menimbulkan kebimbangan pencabulan kebebasan awam. Sebaliknya, sudah memadai untuk menggunakan daftar sulit yang hanya boleh dicapai oleh pihak berkepentingan seperti polis dan jabatan-jabatan yang berkait dengan kesihatan dan kebajikan.

Pada ketika ini, kita mempunyai Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969, yang hanya meliputi kesalahan-kesalahan seperti rogol, perlakuan liwat dengan haiwan dan persetubuhan luar tabii. Walaupun demikian, daftar sedia ada ini tidak memadai kerana tidak ada daftar khusus bagi pedofilia ataupun pelaku jenayah seksual kanak-kanak. Maka, saya harap ia dapat dipertimbangkan dengan serius.

Satu lagi sudut yang perlu diberi perhatian adalah pornografi. Berdasarkan satu kajian yang dibuat di Malaysia pada tahun 2007, 90 orang perogol yang disabitkan telah disoal selidik dan hasilnya menunjukkan bahawa pornografi merupakan antara faktor utama yang mendorong mereka untuk merogol (pornografi 31.1 peratus, nafsu tidak terkawal 23.3 peratus, faktor psikopatologikal 10 peratus, faktor psikologi 5.6 peratus, menyalahkan wanita 2.2 peratus manakala 27.8 peratus tidak menjawab).

Dalam hal ini, saya rasa adalah penting kita menghayati perbezaan antara pornografi umum dan pornografi kanak-kanak. Walaupun tidak semestinya bahawa seseorang yang menonton pornografi kanak-kanak itu akan mempunyai tarikan seksual terhadap kanak-kanak, namun ia dapat mengaburkan pemikiran dan penilaian mereka serta mengurangkan kesekatlakuan *(inhibitions)* mengenai tingkah laku seksual yang boleh diterima terhadap kanak-kanak atau remaja, hatta membangkitkan nafsu seks seseorang itu terhadap kanak-kanak, walaupun mereka pada asalnya mungkin tidak mempunyai tarikan begitu.

Oleh itu, pornografi kanak-kanak adalah satu kesalahan yang sangat dahsyat dan harus dicegah. Pun begitu, undang-undang kita gagal membezakan antara pornografi umum dan pornografi kanak-kanak. Malahan, Seksyen 292 Kanun Jenayah hanya merujuk kepada objek lucah (*obscene objects*) secara umum dan tidak mentakrifkan pornografi dengan jelas, apatah lagi pornografi kanak-kanak.

Saya berpendapat bahawa kita memerlukan undang-undang baru yang bukan sahaja mentakrifkan serta membezakan pornografi kanak-kanak daripada bahan lucah lain, tetapi juga memperkenalkan hukuman yang berat ke atas mereka yang mengedar dan menghasilkan pornografi kanak-kanak.

Dari segi teknologi dan penggunaan Internet pula, Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1997 melarang pengisian yang sumbang, lucah atau jelik. Namun begitu, kita juga memerlukan undang-undang khusus untuk mendakwa mereka yang melayari serta memuat turun pornografi kanak-kanak. Pada masa yang sama, Penyedia Perkhidmatan Internet *(Internet Service Provider)* juga harus diwajibkan untuk melaporkan sebarang pornografi kanak-kanak yang ditemui dalam rangkaian mereka.

Akhir sekali, kita juga memerlukan kerangka undang-undang untuk menangani gejala *online grooming*, iaitu orang dewasa yang berkawan dengan kanak-kanak melalui Internet, umpamanya dengan media sosial Facebook dan sebagainya, dengan tujuan mengambil kesempatan ke atas mereka dari segi seksual. Kes seperti ini makin kerap berlaku, kerana teknologi memudahkan komunikasi antara pedofilia dengan kanak-kanak.

Walaupun Seksyen 372B Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman bagi sesiapa yang mencari pelanggan atau mendesak bagi tujuan pelacuran atau aktiviti tidak bermoral, dan Seksyen 377E menghukum sesiapa yang menghasut kanak-kanak bawah usia 14 tahun untuk berlaku cabul, ia tidak mencukupi untuk melindungi anak-anak kita daripada *online grooming*. Dalam hal ini, undang-undang harus diperketatkan lagi.

Sebagai seorang bapa, saya percaya bahawa jenayah seksual kanak-kanak tidak boleh diambil ringan, dan yakin bahawa ahli-ahli yang lain juga turut setuju. Justeru, saya menyeru agar Kerajaan segera mempertimbangkan cadangan-cadangan di atas agar kita dapat sama-sama membasmi gejala yang sungguh menjijikkan ini.



**BERGAMBAR kenangan bersama-sama Ahli Parlimen Bukit Bendera, Steven Sim Chee Keong (kiri sekali) dan dua Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali Timbalan Ketua Menteri II.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>- | - |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981<br>012-466 9681 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887<br>017-424 9371 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>- | - |
| **SUNGAI DUA**<br>- | - |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119<br>017-595 9891 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515<br>017-402 6973 |
| **BAYAN LEPAS**<br>- | - |
| **PULAU BETONG**<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500<br>016-407 2135 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849<br>017-413 5695 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - - |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | - | - - |
| N5 | Sungai Dua | - | - - |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 595 9891 | - Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | - Siti Hajar |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - - |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017- 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
Memeriahkan penganganjuran, Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng dan wakil-wakil penganjur.

## Pembelaan wanita serlah maksud Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin


AHLI-ahli panel bersama-sama para peserta pada sesi perbincangan Forum Pembelaan Hak Wanita Dalam Islamsempena kempen '*Penang Goes Orange*' di sini baru-baru ini.

**RAHMAT KE SELURUH ALAM...** Perbahasan mengenai status wanita dalam konteks Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di Pulau Pinang sekaligus menyerlahkan rahmat dibawa oleh Islam antaranya memartabatkan wanita dalam masyarakat.

Maka, kempen *'Penang Goes Orange'* anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dalam Konvensyen Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin Peringkat Negeri di sini baru-baru ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri sendiri dalam menghentikan keganasan wanita.

Pengarah Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (Kanita), Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Noraida Endut dalam Forum Pembelaan Hak Wanita Dalam Islam di konvensyen itu antara lain mendedahkan, kajiannya mendapati bahawa wanita menghadapi saat yang mencabar sepanjang proses kehakiman terutamanya berkaitan perceraian.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Dr. Norlela Ariffin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Penanti), Datuk Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang), Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Md Noor (Mufti Pulau Pinang) dan Datuk Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP) antara 163 perwakilan yang membahaskan kajian tersebut serta kaedah penyelesaian kes-kes keganasan membabitkan wanita.


ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) dan Dr. Norlela Ariffin (kanan sekali) bergambar kenangan bersama-sama barisan panel dan peserta.

# Mak Ngah, pernah buang 300 biji telur usaha hasil bahulu sedap & gebu

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**MAK** Ngah agak pemalu orangnya.

"Mak Ngah hanya tahu buat bahulu sahaja, yang lain-lain kena tanya Pak Ngah,'' pesannya siap kepada penulis sebelum memulakan sesi wawancara.

Mak Ngah atau nama sebenar, Rohani Harun, 56, terlibat dalam perusahaan kuih tradisional khusus kepada bahulu sejak tahun 1986, iaitu di kediamannya di Bukit Teh, Machang Bubuk, Seberang Perai Tengah (SPT).

"Masa tu buat kecil-kecilan sahaja, sekadar memenuhi tempahan di kampung, tetapi apabila Jabatan Pertanian panggil datang berniaga di sini (bekas tapak kantin Pejabat Pertanian Daerah SPT), tempahan makin bertambah.

"Di sini, pelanggan boleh berhenti dan beli pada setiap hari asalkan ada tempahan, Mak Ngah memang buka setiap hari,'' jelasnya.

Mengulas lanjut, Mak Ngah memberitahu bahawa resipi bahulu beliau adalah turun-temurun daripada keluarganya.

"Arwah ibu buat untuk makan-makan keluarga sahaja. Setiap kali dia buat, Mak Ngah yang ketika itu berusia belasan tahun akan tolong bakar, masa tu guna sabut.

"Memang tidak pernah cuba buat sendiri, malah selepas ibu meninggal dunia pun, Mak Ngah tidak pernah cuba buat walaupun untuk sekali,'' ujarnya yang



**ROHANI Harun atau lebih dikenali sebagai Mak Ngah.**

dikurniakan dua cahaya mata.

Berkongsi dengan lebih lanjut, pada tahun 1986, Mak Ngah memberitahu bahawa secara tiba-tiba, Pak Ngah 'memaksa' beliau membuat bahulu untuk dijual.

"Mahu tak mahu, memang kena buat jugalah!

"Memang banyak cubaan, sebab dulu, memang hanya bantu arwah ibu bakar (bahulu) sahaja, tidak pernah pun tolong yang lain dan cuba buat sendiri.

"Ada sekali, kira-kira 300 biji telur terpaksa dibuang dalam tempoh satu hari sebab bahulu tidak menjadi. Ada yang jadi keras sebab terlebih tepung, ada pula yang jadi terlalu lembut sebab terkurang tepung.

"Dalam tempoh dua hingga tiga bulan, macam-macam yang terjadi. Memang terasa nak putus asa, tapi Pak Ngah nak buat juga, tak sangka boleh sampai (tahap)



**RUPA bentuk bahulu yang dihasilkan.**

sekarang,'' kata Mak Ngah sambil tersenyum puas.

Bagi Mak Ngah yang merupakan anak ketiga daripada tujuh beradik, keunikan bahulu beliau adalah ia asli dan tiada perisa tiruan dicampurkan. Malah, apa yang menarik adalah ia dijual dalam empat bentuk berbeza iaitu ikan emas, matahari, buah cermai dan ikan sedang.

Menyentuh mengenai strategi pemasaran produk keluarannya, Mak Ngah memberitahu bahawa ia adalah 'bidang tugas' suaminya, Pak Ngah atau nama sebenar, Sabdin Ahmad, 55, yang berasal Kampung Pelek, Penanti, SPT.

"Mula-mula, kami pasarkan di sekitar kampung, kedai-kedai dan



**RUTIN di dapur.**

kini ada pemborong yang datang ambik.

"Malah, pada musim perayaan termasuk Tahun Baru Cina, Mak Ngah macam tak menang tangan, pagi malam buat dan sukatan bertambah sekali ganda,'' jelasnya sambil menyatakan bahan-bahan asas pembuatan bahulu adalah tepung, telur, gula dan *essence vanilla* bagi mengelakkan ia bebau hanyir.

Ketika ditanya mengenai cabaran dihadapi, Mak Ngah memberitahu bahawa persaingan adalah amat ketara.

Disebabkan faktor tersebut, Mak Ngah kini mempelbagaikan lagi produk keluarannya kepada kerepek pisang (tiga perisa), kerepek ubi keledek dan lain-lain mengikut permintaan semasa.

Bagi perancangan masa depan, Mak Ngah memberitahu bahawa beliau ingin memperkembangkan lagi perniagaannya, terutama pada aspek pasaran.

Sebelum mengakhiri sesi wawancara pada hari berkenaan, Mak Ngah sempat berkongsi dengan penulis bahawa beliau kadang-kala rasa terkilan kerana tidak sempat mewarisi resepi-resepi pembuatan kuih tradisional seperti kuih bakar, kuih kacang dan lain-lain yang turut dimahiri arwah ibunya.

"Sayang tidak ambil resepi kuih-kuih lain.

"Masa kecil-kecil tidak minat, tua-tua baru datang minat, itupun Pakcik (Pak Ngah) yang paksa,'' ujarnya yang kini telah menurunkan resipi pembuatan bahulu kepada anak bongsu beliau.




**KEREPEK pisang yang kini turut menjadi sebahagian produk yang dipasarkan.**

**INFO :**
**Mak Ngah Bahulu**
**Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang,**
**Bangunan IKS Jalan Kulim, Kompleks Perniagaan Peladang, Cherok To'Kun, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.**
**No. Tel. : 017 – 521 6235 / 017 – 457 4177**

# Pesta P. Pinang 2015 semarakkan kelainan

**PESTA** Pulau Pinang 2015 kembali lagi.

Kali ini, seakan disambut di antara dua tahun kerana mula dibuka pada 28 November lalu sehingga 2 Januari 2016.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** sempat menemubual wakil penganjur merangkap Pengurus Kanan, Ahmad Shukri Jamaluddin di Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang pada malam pembukaan baru-baru ini.

"Selalunya Pesta Pulau Pinang dibuka serentak dengan musim cuti sekolah.

"Tetapi, siri kali ini kita lewatkan seminggu dan kita lanjutkan penganjuran sehingga awal tahun depan.

"Ini penganjuran siri ke-49, seumpama pesta di antara dua tahun," jelas beliau yang juga Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (T) di Jabatan Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Santai**

Masuk-masuk pintu utama, ada *Cafe Garden* kita wujudkan macam taman mini.

"Kalau dahulu, pengunjung terpaksa ke kawasan gerai makan, tetapi siri kali ini kita wujudkan kelainan.

"Kita sasar di pintu masuk lagi suasana santai dan ceria dirasai," jelas beliau.

Bersebelah *Cafe Garden*, kelihatan tiga patung maskot MENANG CAT atau Cekap, Akauntabel dan Telus, memang diwujudkan untuk pengunjung *berselfie*.

"Kita ketengahkan moto Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) Kerajaan Negeri ini.

"Satu maskot CAT menunjukkan arah kanan mengalu-alukan ke (zon) pesta, maskot yang menunjukkan ke arah kiri itu membawa maksud ke zon membeli-belah.

"Dan, maskot CAT yang tengah itu pula mengalu-alukan pengunjung untuk bersantai dengan kelainan yang diwujudkan pada siri kali ini," katanya.

Tidak jauh dari sudut *selfie* itu, disediakan papan tanda indah setinggi 10 kaki, juga untuk pengunjung merakamkan kenangan di sini.

"Seolah-olah ia macam di pesta *walk of fame*," ujarnya, sambil memberitahu sistem pencahayaan di seluruh kawasan utama cukup indah pada sebelah malam.



**AHMAD Shukri Jamaluddin.**

**'Taman Mini Eropah'**

Ahmad Shukri memberitahu bahawa pengunjung *Uptown* kali ini pasti tidak kecewa kerana mereka akan merasai seolah-olah berjalan di Taman Mini Eropah.

"*Uptown* di sini didekorasi semula seumpama sebuah taman di Eropah, di mana kita mempamerkan beberapa monumen seperti kincir angin, dengan *London Phone Booth* dan Menara *Big Ben* (menara jam)," ujar beliau.

Di sini, turut disediakan tiga *selfie big box* yang saiznya 8 kaki x 10 kaki, dengan 12 gambar tempat menarik negara Eropah yang dibeli secara eksklusif oleh penganjur untuk pengunjung merakamkan kenangan masing-masing.

"Gambar-gambar ini kita beli secara langsung daripada internet seperti *Eiffel Tower* di Paris dan pelbagai lagi tempat indah di Eropah, untuk bergambar kenangan," ulas Ahmad Shukri.

Difahamkan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) banyak membantu menyediakan pokok-pokok perhiasan di sini, manakala kerja-kerja pencahayaan menarik dibantu secara langsung oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Cawangan Elektrik.

Satu lagi konsep taman Eropah, *spiral* turut diwujudkan di sini, dengan bantuan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang, atas cetusan idea Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait yang juga Pengurus Besar penganjuran Pesta Pulau Pinang.

Tak kecewa santai di *Euro Fun Park*, Taman Mini dan Taman Eropah di sini.

**Hiburan**

Penampilan kumpulan May, Amuk, XPDC, Gamma, Lestari, Raven, Bloodshed, Family Of Rock, The Fablous, Sparrow, Rimba Bara, Ukays, serta artis lagenda Yanzen, Rahmat Mega, Sham Dimensi, Asunam, Zamani dan banyak lagi sepanjang pesta kali ini tidak akan menghampakan.

Ratu dangdut seperti Amelina dan Haiza turut akan membuat penampilan pada 11 Disember depan.

Tambah Ahmad Shukri, artis-artis baru seperti Tomok, Black, Najwa Latif, kumpulan Bunkface turut akan membuat persembahan pada siri pesta kali ini.

Turut dianjurkan, Bintang Pesta dan Festival Boria.

"Selain mengekalkan identiti Pulau Pinang seperti persembahan boria, penganjur memang ingin membawa pengunjung mengimbau kenangan lama dengan penampilan artis-artis terkenal tanah air ini," jelasnya.

Menurut beliau, semua persembahan tersebut akan dilangsungkan di Pentas Arena 1, di sini, tiap-tiap malam.

Difahamkan, Sudut Buskers turut diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad, untuk menghargai anak seni tempatan membuat persembahan di sini.

Bagaimanapun, acara tradisi Pesta Silat Antarabangsa yang terdiri oleh Muai Thai dan tinju dalam Festival Sukan Kombat turut anjurkan pada kali ini.

***Festival Vendor & Boutique***

Satu lagi kelainan pada kali ini, adalah penganjuran *Pesta Vendor Cosmetic, Slimming & Makeup Fest 2015* pada 4 hingga 6 Disember di Arena 2.

*Moonlight Inspiration Model & Bridal Show* pada 8 hingga 13 Disember, manakala, *Boutique & Vendor Gala Fest* pada 31 Disember hingga 2 Januari 2016.

Peneraju fesyen tudung terkenal, Fareeda turut menyertai festival ini pada 25 hingga 27 Disember.

Eja Shahril, iaitu pereka tempatan yang kian menempa nama di peringkat antarabangsa turut akan mempamerkan fesyen-fesyen terbaru secara eksklusif pada 18 hingga 20 Disember ini.

"Butik dan vendor memang ada pengikut tersendiri, tetapi mereka tidak gemar membuka gerai pameran sampai sebulan.

"Kelainan ini kita bawa, tiga hari pada hujung minggu sahaja akan menampilkan pameran vendor dan butik yang berbeza-beza," ujarnya.

Pameran-pameran lain yang turut diadakan di Arena 3 pula adalah Pameran Seni Keris Purba pada 4 hingga 5 Disember, serta Pameran *Experience Green Life With Sewing* (15 hingga 23 Disember).

**Promosi**

Dari segi promosi, katanya, radio PiMai.fm turut membantu.

"Kali ini kita cuba menggunakan media baru seperti *facebook* dan telegram juga," jelas beliau.

**Penghargaan**

Ahmad Shukri memberitahu bahawa hampir 100 tenaga menjayakan Pesta Pulau Pinang 2015, termasuk pasukan khas yang ditubuhkan untuk kerja-kerja keselamatan di sini.

Itu, tidak termasuk sokongan polis, bomba, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan banyak lagi.

"Datuk (Mokhtar) memang mahukan kelainan pada kali ini, dan beliau sendiri bersama-sama kita bertungkus-lumus memerah fikiran untuk ini.

"Iklim hari-hari awal pembukaan pada tahun lepas pun hujan juga, kita sasar seperti tahun lepas juga (iaitu) 440,000 pengunjung pada tahun ini, dengan kelainan yang kita bawa," katanya.

Info lanjut boleh didapati melalui *facebook*, pestapulaupinang dengan *hashtag #pestapenang2015*, serta menerusi saluran telegram *http://telegram.me/pestapenang2015*.





**PAPAN tanda indah setinggi 10 kaki khas untuk pengunjung *berselfie* dan *berwefie*.**



**MASKOT MENANG yang mencuri tumpuan sekumpulan pengunjung untuk *berwefie*.**



**PENCAHAYAAN menarik yang menjadi salah satu tarikan penganjuran Pesta Pulau Pinang 2015.**



**SUASANA Taman Mini London.**

# Pengusaha hotel diseru pohon lesen operasi sah

**GEORGETOWN** – Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menggesa pengusaha-pengusaha hotel yang ingin beroperasi di Tapak Warisan Dunia UNESCO supaya memohon lesen operasi sah melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).



**KEADAAN salah sebuah bilik *Spices Hotel.***

Katanya, pengusaha sepatutnya mendapatkan lesen terlebih dahulu sebelum memulakan perniagaan untuk tidak mengabaikan keselamatan para pelanggan.

"Walaupun proses untuk mendapatkan lesen adalah rumit, namun ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Ini kerana lesen dapat diperoleh sekiranya seseorang pemilik sanggup mematuhi garis panduan disediakan.

"Malah, Kerajaan Negeri melalui MBPP turut berusaha membantu para pengusaha memperoleh lesen yang sah dengan melonggarkan syarat-syarat permohonan.

"Ini termasuk melonggarkan syarat berhubung penyediaan tempat letak kereta untuk pelanggan,'' katanya ketika mengadakan lawatan ke sebuah hotel berlesen di Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengarah Jabatan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Penolong Pengawai Kesihatan Persekitaran Kanan (Utara) MBPP, Goh Eng Chun dan pemilik hotel berkaitan, *Spices Hotel,* Michael Ong Chin Keong.

Lawatan tersebut adalah susulan daripada operasi bersepadu MBPP terhadap operator-operator hotel yang telah memulakan perniagaan tanpa mengikuti proses undang-undang pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.



**MICHAEL Ong Chin Keong (kanan) mengiringi Chow Kon Yeow (kiri) yang mengadakan lawatan ke hotel miliknya di sini baru-baru ini.**

Sebelum ini, sebanyak tiga hotel telah berdepan dengan tindakan penguatkuasaan MBPP dalam operasi 'pemutihan hotel' yang dijalankan.

# MBPP teruskan tradisi sumbang beras hargai kakitangan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**GEORGE TOWN** – Sejumlah 1,200 kampit beras masing-masing diedarkan kepada kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hasil sumbangan Ahli-ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan di Dewan Bandaran, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Bercakap pada majlis berkaitan, Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Ong Ah Teong berkata, sumbangan tersebut merupakan tradisi tahunan kali kelima hasil inisiatif khas Ahli-ahli Majlis bagi membantu meringankan beban serta menghargai sumbangan kakitangan-kakitangan am MBPP.



**ANTARA penerima yang menerima sumbangan beras.**

"Sumbangan ini adalah sebagai menghargai penat lelah mereka yang telah bersusah payah bekerja menjaga kebersihan dan keselamatan negeri.

"Tambahan, pemberian ini walaupun tak seberapa, tetapi ia diharap akan meringankan beban pekerja beragama Hindu yang meraikan perayaan Deepavali," katanya ketika ditemui pada majlis berkaitan di sini.

Hadir sama, Ahli Majlis, Joseph Ng Soon Siang dan Lim Boon Beng.

Sejumlah 1,000 kampit beras diagihkan kepada kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP) dan Bahagian Perlesenan serta Bahagian Penguatkuasaan MBPP.

Dalam pada itu, bagi salah seorang pekerja di JPP yang hanya mahu dikenali sebagai Mathavan, 45, beliau melahirkan perasaan gembira dan berterima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Majlis MBPP.

"Terima kasih bagi beras. Ni ialah bukti MBPP menjaga pekerja bawahan seperti kami tanpa mengira kaum.

"Seronok bekerja dengan Majlis (MBPP), sebab kami sama-sama jaga (bersihkan) Pulau Pinang," ujarnya yang telah menabur khidmat selama empat tahun kepada Buletin Mutiara di sini.



**ONG Ah Teong (berkemeja ungu) bersama-sama Ahli-ahli Majlis lain menyerahkan sumbangan beras kepada kakitangan MBPP pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.**

# Pemeriksaan berkala elak penularan tifoid - ahli majlis

**GEORGE TOWN** – Wabak demam kepialu atau tifoid di Pulau Pinang dilaporkan masih dalam keadaan terkawal dengan hanya lapan kes dikesan di beberapa lokasi berasingan dari Januari hingga Oktober lalu di sini.

Perkara tersebut dijelaskan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong dengan merujuk kepada laporan online berbahasa Inggeris, *The Star* ketika mengulas mengenai penularan wabak demam kepialu di beberapa lokasi di ibu negara Oktober lalu.

Ah Teong berkata, meskipun jumlah tersebut masih rendah dan tidak membimbangkan, pihaknya tetap mengambil langkah serius dengan melakukan pemeriksaan secara berkala.

"Pihak Majlis telah melakukan pemeriksaan secara berkala sejak Ogos 2009.

"Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, kita (MBPP) mendapati terdapat 90 peratus iaitu kira-kira 15,000 pengendali restoran dan kedai makan di seluruh Pulau Pinang telah mendapatkan suntikan ini (tifoid)," katanya pada sidang media di sini baru-baru.

Hadir sama, Ahli Majlis, Joseph Ng Soon Siang dan Lim Boon Beng.

Gejala demam kepialu atau tifoid adalah disebabkan oleh bakteria *Salmonella Typhi* dan merebak menerusi makanan, air tercemar atau najis individu yang dijangkiti.

Mengulas lanjut, Ah Teong memberitahu bahawa suntikan tifoid adalah wajib dan ia merupakan salah satu syarat yang mesti dipenuhi oleh pengusaha serta pengendali makanan di negara ini.

"Ini adalah langkah pencegahan dalam memastikan makanan yang disediakan oleh pengendali adalah bersih dan tidak tercemar, termasuk persekitaran premis," jelas beliau.

# Fasa pertama Kempen Pejalan Kaki Diutamakan bermula

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWNN –** Dalam usaha mewujudkan sebuah bandar mesra pejalan kaki, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini melancarkan fasa pertama Kempen Pejalan Kaki Diutamakan bagi mendidik para pengguna jalan raya di sini.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Lalulintas MBPP, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, kempen berkaitan akan mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun untuk dilaksanakan secara berperingkat.

"Fasa pertama ini akan berlangsung selama tiga bulan khusus untuk mendidik dan mengubah kelakuan pengguna jalan raya.

"Sepanjang tempoh tersebut, Majlis akan berusaha untuk meningkatkan indeks 'mesra pejalan kaki', menjalankan kaji selidik awam dan merekodkan kes-kes tidak mematuhi peraturan di lintasan pejalan kaki.

"Kita (MBPP) mahukan mereka (pengguna jalan raya) agar lebih peka dan berhenti sebelum melalui lintasan ini," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen 'Pedestrian is King' di sini baru-baru ini.



**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik dan Tan Hooi Peng menunjukkan tanda isyarat 'Pejalan Kaki' yang akan diperkenalkan.**

Hadir menyempurnakan majlis berkaitan, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow.

Turut serta, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Patahiyah Ismail, Ahli-ahli Majlis, Chris Lee Chun Kit, Tan Hooi Peng, Joseph Ng Soon Siang, Mhd Nasir Yahya, Nur Zarina Zakaria dan Eric Lim Seng Keat.

Menurut Muhammad Bakhtiar, kesedaran berhubung kempen tersebut bakal dijalankan menerusi iklan-iklan di akhbar dan papan iklan, hebahan menerusi radio, media sosial, edaran risalah dan penglibatan komuniti.

"Di samping itu, kami (MBPP) juga akan melancarkan video bertajuk 'Mewujudkan Bandar Mesra Pejalan Kaki', mewujudkan lintasan pejalan kaki baru di Lebuh Farquhar serta Jalan Burma dan memperkenalkan tanda isyarat 'Pejalan Kaki'," jelasnya.


**CHOW Kon Yeow (tengah, berbaju kelabu), Patahiyah Ismail (bertudung) dan Ahli-ahli Majlis MBPP melintasi salah sebuah laluan zebra pada Majlis Pelancaran Kempen 'Pedestrian is King' di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Patahiyah memberitahu bahawa MBPP telah membelanjakan RM3.34 juta pada 2015 untuk pembinaan laluan pejalan kaki yang selamat, tanpa halangan dan mesra orang kurang upaya (OKU).

"Bagi tahun hadapan (2016), dianggarkan sejumlah RM2.5 juta lagi diperuntukan untuk menaiktaraf laluan pejalan kaki di sini.

"Setakat ini, MBPP mempunyai sebanyak 115 lintasan pejalan kaki berlampu isyarat di seluruh pulau dan dua lintasan pejalan kaki tanpa lampu isyarat di Lebuh Farquhar dan Jalan Burma," jelas beliau.

## Anugerah Sekolah Hijau, SMK Sri Muda & SK Kebun Sireh pertahan kejuaraan

**SEBERANG JAYA –** Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Muda, Penaga dan Sekolah Kebangsaan (SK) Kebun Sireh, Bukit Mertajam berjaya mempertahankan gelaran johan keseluruhan bagi kategori masing-masing pada pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2015 di sini baru-baru ini.



**CHOW Kon Yeow (lima dari kiri) sambil ditemani Maimunah Mohd. Sharif (enam dari kiri) bergambar kenangan dengan wakil-wakil pemenang kategori sekolah menengah pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2015 di sini baru-baru ini.**

Kemenangan berkenaan membolehkan SMK Sri Muda yang menjuarai Kategori Sekolah Menengah membawa pulang RM2,000 berserta piala dan SK Kebun Sireh (Kategori Sekolah Rendah, RM2,000).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas & Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pertandingan tersebut adalah bertujuan memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang terlibat dalam menjayakan misi Kerajaan Negeri demi kelestarian alam sekitar di negeri ini.

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mengambil inisiatif berkaitan dalam usaha menghijaukan negeri ini.

"Umumnya, usaha untuk 'menghijaukan' negeri ini tidak akan berjaya sekiranya hanya mengharapkan agensi-agensi Kerajaan Negeri tanpa sebarang penglibatan semua pihak," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2015 di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Sohana Kasim (Pengurus Sumber Manusia Continental Automotive Components Malaysia Sdn. Bhd., selaku penaja utama) turut hadir pada majlis berkaitan.

Hadir sama, barisan ahli-ahli majlis MPSP dan guru-guru sekolah yang mengambil bahagian.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu, inisiatif tersebut secara tidak langsung bakal membantu Kerajaan Negeri usaha memenuhi kadar kitar semula sebanyak 40 peratus mengikut piawaian antarabangsa.

"MPSP telah berjaya muncul sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama dalam negara yang mencapai kadar kitar semula tertinggi.

"Bagi tahun ini, PBT di negeri ini termasuk Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), telah mencapai 39 peratus purata kadar kitar semula.

"Jumlah ini merupakan sesuatu yang membanggakan kerana telah melepasi sasaran negeri iaitu 32 peratus," jelas beliau.

Sebanyak 141 sekolah iaitu 99 sekolah menengah dan sekolah rendah (42) mengambil bahagian dalam penganjuran Anugerah Sekolah Hijau sejak ia mula diperkenalkan pada 2010 hingga kini.

## Aduan pelanggan mampu cetus inovasi kerja, 85.32% selesai

**SEBERANG JAYA –** Aduan pelanggan yang diterima secara positif mampu mencetuskan budaya inovatif dalam Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sendiri, walaupun ada sesetengah masalah yang diterima dianggap sukar untuk diselesaikan.

Justeru, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif menggesa semua ketua jabatan di pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan supaya cekap menguruskan aduan, yang dianggap sebagai kunci kepada proses penyampaian perkhidmatan berkualiti.

"Melalui aduan yang diterima juga, ia dapat menjadi sumber mencetuskan inovasi membuat perubahan-perubahan positif oleh kita semua (MPSP).

"Aduan-aduan yang masih dalam tindakan jabatan mestilah diselesaikan segera," ucapnya pada majlis Perhimpunan Korporat di perkarangan Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Menurut Maimunah, sebanyak 85.32 peratus atau 8,381 daripada 9,824 keseluruhan aduan diterima dari Januari hingga Oktober lalu telahpun berjaya diselesaikan oleh MPSP.

"Manakala, baki 14.68 peratus atau 1,443 aduan lagi masih dalam tindakan jabatan-jabatan berwajib," jelas beliau.

Dalam perkembangan lain, Maimunah turut menggesa kakitangan MPSP supaya meningkatkan profesionalisme, dengan melaksanakan tanggungjawab masing-masing serta mematuhi peraturan sebagai kakitangan perkhidmatan awam.

Beliau memberitahu, seramai 14 kakitangan tetap telahpun dikenakan tindakan tatatertib dalam tempoh bulan Januari hingga 31 Oktober lalu, manakala, 109 kakitangan kontrak lain telahpun ditamatkan perkhidmatan atas pelbagai jenis pelanggaran tatakelakuan.

"Kakitangan yang bermasalah haruslah dirujuk kepada Pihak Berkuasa Pelantikan & Tatatertib agar ia tidak menjadi barah yang sukar untuk diatasi.

"Tindakan tatatertib merupakan jalan terakhir diambil pihak pengurusan bagi menangani masalah mereka yang tidak mematuhi peraturan dan undang-undang," tegas Maimunah.

Serentak itu, beliau turut menggesa ketua-ketua jabatan supaya melaksanakan tanggungjawab masing-masing terhadap kakitangan yang dinilai 'bermasalah'.


**MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, bertudung merah) serta kakitangan MPSP lain merakamkan gambar kenang-kenangan bersama-sama replika cek Anugerah Inovasi PBT 2015 Peringkat Kebangsaan yang dimenangi MPSP baru-baru ini.**

# Tiada bekalan air bersih, harap selesai awal 2016

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**MACHANG BUBUK –** Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong berharap masalah tiada bekalan air bersih disalurkan ke rumah 26 pengadu di Kampung Bukit Teh dapat diselesaikan paling lewat awal tahun depan.

Katanya, 26 pengadu berkenaan akan dibantu dari segi proses memohon Skim Kampung Loan maksimum RM1,500 seorang, yang ditawarkan oleh agensi negeri, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk tujuan pembinaan saluran paip bekalan air ke rumah masing-masing.

"Permohonan memang dalam proses, tetapi, sebelum ini mereka (pengadu) membuat permohonan secara berasingan dan kali ini, kita nak selesaikan permohonan secara sekaligus.

"Pada awal tahun, sekurang-kurangnya semua rumah di Kampung Bukit Tengah ini akan ada bekalan air bersih," katanya selepas melawat beberapa rumah pengadu terbabit di sini baru-baru ini.

Pada sidang media sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon memberitahu, kos pemasangan paip air yang didakwa terlalu mahal merupakan salah satu faktor di sebalik isu berbangkit tersebut.

Selain itu, jelas beliau, ada beberapa permohonan berwajib tidak dapat diproses kerana pengadu gagal mendapatkan kebenaran tuan tanah untuk pemasangan paip air ke kediaman berkaitan.

"Kita akan membuat tinjauan untuk mengenal pasti ada lagikah mana-mana rumah yang belum ada bekalan air bersih.

"Kita memang nak menyelesaikannya serta mengetahui apakah sebab utama masalah ini, dengan menyelesaikan ia dari punca," ujarnya selepas mendapatkan maklum balas salah seorang pengadu, Shahrol Nizam Yaakob di sini.

Sebelum itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Teh, Rosni Ibrahim mengakui bahawa isu berkenaan telahpun dirujuk kepada PBAPP.

Namun, katanya, kos pemasangan paip air yang didakwa terlalu mahal mengakibatkan terdapat setengah pemohon menangguhkan hasrat berkenaan.

Dalam pada itu, Juruteknik PBAPP, Asrol Hafiz dalam reaksi spontannya menegaskan bahawa PBAPP tidak pernah menetapkan harga pemasangan paip bekalan air bersih, sebagaimana didakwa oleh Rosni.

"PBAPP tidak pernah letak harga batang paip, yang kita (PBAPP) tawar Skim (Kampung Loan) maksimum RM1,500 dengan kadar bayar balik kurang RM30 (RM26) setiap dua bulan sekali.

"Jika bil air (dwi) bulanan RM20, maksudnya seseorang perlu membayar RM50," jelas beliau.

Asrol memberitahu, pemohon bekalan air bersih yang masih belum ada akaun di bawah PBAPP layak untuk memohon "Skim Kampung Loan" yang ditawarkan.



**STEVEN** Sim Chee Keong (dua dari kiri) dan Lee Khai Loon (kiri sekali) pada sidang media di perkarangan rumah pengadu, Shahrol Nizam Yaakob (barisan depan, lima dari kiri) di sini baru-baru ini.

# ADUN 'belanja' RM115,705 demi rekreasi rakyat



(Dari kiri), HARVINDAR Singh, Law Heng Kiang, Jeff Ooi Chuan Aun dan Ong Ah Teong memotong reben sebagai menyempurnakan gimik perasmian gazebo baharu di Taman Ghee Hiang di sini baru-baru ini.

**BATU LANCANG –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Law Heng Kiang membelanjakan sejumlah RM115,705 untuk menaiktaraf beberapa taman rekreasi termasuk menyediakan kemudahan asas dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat di kawasannya di sini

Heng Kiang ketika ditemui berkata, seperti taman-taman rekreasi lain, beliau memperuntukkan RM12,773 dan RM10,600 masing-masing bagi pemasangan alatan senaman di laman senaman Taman Kejiranan Lorong Gemilang dan Taman Sentral.

"Malah bagi mengindahkan panorama di Taman Ghee Hiang, sambil melakukan senaman, pengunjung khususnya boleh beristirehat di gazebo yang baharu dibina.

"Semua ini adalah untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat terjamin, di samping memenuhi keperluan serta permintaan rakyat," katanya ketika hadir merasmikan gazebo baharu di Taman Ghee Hiang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, Jefff Ooi Chuan Aun, Ahli-ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ong Ah Teong dan Harvindar Singh serta penduduk setempat.

Mengulas lanjut, Heng Kiang memberitahu bahawa, selain menyediakan kemudahan di taman-taman rekreasi, pihaknya juga telah menaiktaraf tandas di 35 unit rumah di pangsapuri kos rendah MBPP di sini.

"Selain itu, sejumlah RM26,182 turut diperuntukkan bagi pemasangan alat pemadam kebakaran di Flat Jalan Kurau dekat Taman Koperasi Jelutong di sini," jelas beliau yang juga Exco Pembangunan Pelancongan.



**ANTARA** pengunjung yang beristirehat di gazebo Taman Ghee Hiang.

# ADUN edar kalendar tahun baru

**EDAR KALENDAR 2016...** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai baru-baru ini mengedarkan kira-kira 800 kalendar 2016 kepada umum di sekitar kawasan pasar awam di sini.

Menurutnya, selain mendekati masyarakat setempat, naskah kalendar tersebut adalah bagi kesenangan penduduk setempat.

"Ini kerana, selain maklumat-maklumat asas, turut dimuatkan adalah info pusat khidmat termasuk sesi saya bertemu orang ramai iaitu pada setiap Selasa dari jam 8 malam hingga 10 malam," katanya sambil menjelaskan bahawa sebanyak 6,000 kalendar dicetak dan sedia untuk diedarkan.



**WONG** Hon Wai (dua dari kiri) sambil ditemani umum menunjukkan kalendar yang dicetak dan diedarkan di Pasar Awam Air Itam di sini baru-baru ini.

# Hebahkan lagi kebaikan Program Pelajar Emas - ADUN

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATUK KERAMAT –** Sehingga kini, seramai 14,000 pelajar telah mendaftar menerusi skim Program Pelajar Emas hasil inisiatif Kerajaan Negeri khas kepada mereka yang berada di Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, dengan sumbangan bernilai RM100 yang disumbangkan, beliau berharap agar kebaikan program tersebut dapat dihebahkan lagi dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah seluruh negeri ini.

"Pelaksanaan skim ini merupakan pendorong kepada Kerajaan Negeri terutamanya dalam meningkatkan aspek pendidikan yang dilihat sebagai 'aset' amat penting terhadap masa depan negeri," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pelajar Emas kepada 20 pelajar Wisma Yatim (Perempuan) Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa pelaksanaan program-program kebajikan rakyat yang menjadi agenda utama Kerajaan Negeri adalah tanpa mengira latar belakang.

"Malah, ia mencakna keperluan rakyat dari saat seorang bayi dilahirkan hinggalah seseorang meninggal dunia.

"Ini adalah melalui pelaksanaan Program Bayi Emas, Program Ibu Emas, (Program) Warga Emas, sumbangan khairat kematian bagi pengurusan jenazah dan banyak lagi," jelas beliau.



JAGDEEP Singh Deo (tengah) bergambar kenangan bersama-sama para pelajar yang menerima sumbangan menerusi insentif Program Pelajar Emas Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

# Tubuh 3 pasukan Briged Wanita, harapan ADUN Air Itam

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai berharap sekurang-kurangnya tiga pasukan Briged Wanita dapat ditubuhkan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkaitan bagi membolehkan pelaksanaan aktiviti membabitkan golongan Hawa dapat dilaksanakan secara berkesan.

Katanya, menerusi perancangan tersebut, beliau menyasarkan jumlah keahlian dapat mencapai 80 ahli.

"Kita perlukan golongan wanita untuk sama-sama menjalankan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

"Pendekatan ini adalah amat penting dalam memartabatkan golongan wanita dan juga pendedahan secara berterusan mengenai hak-hak kesamarataan," katanya pada penganjuran Karnival Rakyat DUN Air Itam dan Parlimen Bukit Gelugor di Padang Flat Harmoni di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

Penganjuran tersebut adalah bersempena pelancaran Briged Wanita Jalan Masjid Negeri dan sebelum itu, turut dilancarkan, Briged Wanita Kampung Melayu.

Serentak itu, Hon Wai turut memperkenalkan Program Pertanian Bandar dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dalam kalangan penduduk setempat.

"Pertanian bukan hanya boleh berjaya di luar bandar, sebaliknya ia juga boleh dijalankan di bandar. Kita galakkan penduduk menanam untuk kegunaan sendiri," jelas beliau.



AHLI-ahli salah sebuah pasukan memanaskan badan sebelum bermulanya perlawanan.



WONG Hon Wai (barisan belakang, lima dari kanan) dan Ramkarpal Singh (barisan belakang, enam dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama para pemenang pertandingan melukis serta mewarna sempena penganjuran Karnival Rakyat di sini baru-baru ini.

KAJI SELIDIK MENGENAI KEBERKESANAN DASAR KAPIT RODA/TUNDA KENDERAAN DI PULAU PINANG




**SUKACITA** dimaklumkan bahawa Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP sedang melaksanakan Kaji Selidik Keberkesanan Dasar Kapit Roda / Tunda Kenderaan di Pulau Pinang. Kaji selidik ini diadakan bagi mendapatkan reaksi serta maklum balas daripada seluruh rakyat Pulau Pinang berkaitan dasar yang telah dilaksanakan selama ini.

Sebagai makluman, kaji selidik ini terbuka kepada seluruh rakyat Pulau Pinang bermula sekarang sehingga 18 Disember 2015.

Sehubungan dengan itu, semua adalah dijemput untuk menyertai kaji selidik ini melalui *https://www.surveymonkey.com/r/kapitroda* atau terus ke Portal Kerajaan Negeri.


Jangan Ditipu Oleh BN!
Dulu:
BN Lulus 3,241 Ekar Tebus Guna Tanah Dengan Ada Yang Serendahnya RM1 Sekaki Persegi
Sekarang:
Usul BN Tangguhkan 3,241 Ekar Tebus Guna Tanah Yang Diluluskan BN.
Siapa Bayar Pampasan RM1 Bilion Kepada Pemaju Bila Projek Tebus Guna Tanah Dibatalkan?
Anda Rakyat Pulau Pinang
Dan Kerajaan Pulau Pinang Akan Jadi Bankrap!

Oleh : **ME**


Sempoi la kita jadi Nelayan Kat Penang. Dapat Pukat baru 2 kali setahun!
Betoi tu Dollah, Syukor! Baguih Kerajaan Negeri kita ni Ooi!
PENANG